



Laporan Tahunan

2014

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Statistik Mencetus Minda Inovatif







Laporan Tahunan

2014

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA



Perutusan
YB Menteri •
YBhg. Ketua Perangkawan Malaysia •

05



Jabatan Perangkaan Sepintas Lalu

- Sejarah •
- Maklumat Korporat •
- Carta Organisasi •
- Perjawatan •
- Kewangan •

11

Pencapaian Jabatan

- Produk dan Perkhidmatan •
- Inovasi dan Penambahbaikan ICT •
- Anugerah dan Pencapaian •
- Lawatan dan Kerjasama Statistik •

37

Diari Statistik

- Peristiwa Penting 2014 •
- Aktiviti Persatuan dan Kelab
- Bahagian dan JP Negeri •

63

Memperkasakan Modal Insan

- Bengkel / Seminar / Antarabangsa •
- Kursus-kursus di ILSM •
- Latihan Dalaman Jabatan •

81

Perancangan 2015 **93**

Kandungan





Perutusan



YB Dato' Sri Abdul Wahid Omar

Menteri di Jabatan Perdana Menteri





Perutusan YB Menteri

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Salam Sejahtera, Salam 1Malaysia.

Alhamdulillah. Bersyukur kita kepada Tuhan yang Maha Esa kerana Jabatan Perangkaan Malaysia telah melaksanakan fungsinya dengan penuh tanggungjawab dan dedikasi pada tahun 2014.

Jabatan Perangkaan berusaha memastikan penyampaian perkhidmatan berada pada tahap yang terbaik, iaitu cepat, tepat, berkualiti, proaktif dan responsif seperti mana yang digariskan dalam keberhasilan strategik Transformasi Perkhidmatan Awam yang berpaksikan kepada visi nasional untuk menjadi negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

Sebagai penjana statistik negara, Jabatan Perangkaan menggalas tanggungjawab yang amat signifikan dalam mengeluarkan data yang berintegriti, *reliable* dan bertepatan masa. Jabatan berusaha dengan bersungguh-sungguh memberi komitmen yang berterusan dalam memenuhi keperluan pengguna, terutamanya sebagai rujukan utama kepada Kerajaan dalam membuat keputusan yang bersandarkan kepada fakta yang tepat bagi perancangan, pembentukan dasar dan pemantauan ekonomi negara.

Perkembangan statistik peringkat antarabangsa memberi impak kepada perkembangan statistik dalam negara. Revolusi data yang dibincangkan di arena antarabangsa seperti *Big Data*, *Open Data* dan *Post 2015 Development Agenda* menuntut Jabatan Perangkaan sentiasa proaktif dan responsif terhadap keperluan menyediakan permintaan data yang bukan sahaja dalam ruang lingkup sedia ada tetapi juga memenuhi keperluan pada masa hadapan.

Sayugia, dengan kesungguhan warga Jabatan

Jabatan Perangkaan berusaha memastikan penyampaian perkhidmatan berada pada tahap yang terbaik, iaitu cepat, tepat, berkualiti, proaktif dan responsif seperti mana yang digariskan dalam keberhasilan strategik Transformasi Perkhidmatan Awam yang berpaksikan kepada visi nasional untuk menjadi negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.



Perangkaan dalam melaksanakan tugas dan amanah, saya pasti Jabatan Perangkaan akan terus memberikan hasil kerja yang terbaik dan sentiasa berusaha memenuhi aspirasi Kerajaan dan negara pada tahun 2015 dan seterusnya. Terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada warga kerja Jabatan yang telah memberi komitmen, dedikasi serta sumbangan dalam menjayakan segala perancangan sepanjang tahun 2014. Tahniah kepada jawatankuasa di atas penerbitan buku laporan tahunan 2014 ini.

Sekian, terima kasih.

YB Dato' Sri Abdul Wahid Omar
Menteri di Jabatan Perdana Menteri

YBhg. Datuk Dr. Haji Abdul Rahman Hasan

Ketua Perangkawan Malaysia



Perutusan YBhg. Ketua Perangkawan Malaysia



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Salam Sejahtera, Salam 1Malaysia, Salam 1Statistik.

Kesyukuran dizahirkan kepada Ilahi kerana dengan izinNya Laporan Tahunan Jabatan Perangkaan edisi 2014 dapat diterbitkan.

Mengimbas kembali pencapaian dan usaha yang telah dijayaikan sepanjang tahun 2014, jelas bahawa segala inisiatif yang telah dicapai oleh Jabatan Perangkaan adalah hasil kerjasama semua pihak. Tahun 2014 merupakan tahun terakhir pelaksanaan Pelan Strategik Jabatan (PSJ) 2010–2014. Alhamdulillah, pencapaian PSJ ini amat membanggakan dan kebanyakannya sasaran telah berjaya dicapai lebih awal daripada tempoh yang ditetapkan.

Pada tahun 2014, Jabatan telah melaksanakan dua aktiviti utama iaitu Banci Perdagangan Edaran serta Penyiasatan Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah. Buat pertama kalinya, Penyiasatan Guna Tenaga Suku Tahunan yang berasaskan pendekatan pertubuhan telah diperkenalkan. Hasil daripada banci dan penyiasatan ini boleh digunakan oleh sektor awam dan swasta dari dalam dan luar negara bagi pelbagai tujuan terutamanya dalam membuat perancangan dan penggubalan dasar, penyelidikan, analisis serta unjuran.

Bagi menambah baik perkhidmatan Jabatan kepada pengguna, Jabatan telah berjaya mengeluarkan produk baharu seperti Laporan Akaun Satelit Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICTSA), Keluaran Dalam Negeri Kasar (Kaedah Pendapatan), Laporan Penggunaan dan Capaian ICT oleh Individu dan Isi Rumah serta Indeks Perkhidmatan bagi 11 subsektor perkhidmatan (Edaran Terhad).


Sepanjang tahun 2014 juga, Jabatan telah memperluaskan hubungan jalinan pintar dengan

institusi pengajian tinggi melalui Memorandum Persefahaman (MoU) bersama Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Utara Malaysia dan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. Buat julung kalinya juga, *Regional Statistics Conference* bertemakan *Statistical Science for a Better Tomorrow* telah diadakan dengan jayanya hasil gabungan strategik penganjuran oleh *International Statistical Institute (ISI)*, Bank Negara Malaysia dan Jabatan Perangkaan Malaysia.

Pencapaian serta kejayaan yang telah dicapai ini tidak mungkin direalisasikan tanpa usaha padu serta sumbangan warga kerja Jabatan Perangkaan yang tidak pernah mengenal erti jemu dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik. Terima kasih diucapkan kepada semua warga Jabatan Perangkaan yang begitu komited dalam melaksanakan tanggungjawab yang telah diamanahkan.

Informasi dan pencapaian Jabatan serta peristiwa signifikan yang telah berlaku sepanjang tahun 2014 didokumentasikan dalam laporan tahunan ini supaya ia menjadi rujukan yang bermakna untuk semua. Penghargaan kepada Jawatankuasa Laporan Tahunan 2014 yang telah berusaha sebaiknya dalam menyedia dan mengeluarkan laporan ini. Semoga dengan penerbitan laporan ini, ia memberi manfaat kepada semua pihak untuk mengenali dan memahami Jabatan Perangkaan dengan lebih dekat lagi.

Sekian, terima kasih.



Datuk Dr. Haji Abdul Rahman Hasan
Ketua Perangkawan Malaysia





Jabatan Perangkaan Sepintas Lalu




Tadbir Urus Jabatan Perangkaan



Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) ditubuhkan pada tahun **1949** di bawah peruntukan **Statistics Ordinance 1949** dan dikenali sebagai Biro Statistik.

Selepas kemerdekaan, ordinan tersebut telah dimansuh dan digantikan dengan Akta Perangkaan **1965** (Disemak-1989) dan Jabatan dikenali sebagai Jabatan Perangkaan Malaysia. Pada masa yang sama, **Akta Banci 1960** juga digunakan untuk pelaksanaan banci.



Tadbir urus statistik secara amnya adalah berdasarkan **United Nations Fundamental Principles of Official Statistics** di mana ia menggariskan prinsip asas yang perlu diamalkan oleh organisasi statistik negara dalam mengeluarkan statistik rasmi.



Statistik rasmi adalah teras kepada proses pembentukan dasar sosioekonomi negara. Jabatan menghasilkan statistik yang berintegriti dan *reliable* dalam bidang ekonomi, sosial, demografi dan alam sekitar. Keberhasilan daripada produk dan perkhidmatan perangkaan ini adalah *statistical evidence* yang digunakan oleh kerajaan sebagai input dalam pembentukan, pelaksanaan, penilaian dan semakan semula dasar awam negara.



PERMULAAN PERANGKAAN (PRE 1949)

1891

Banci Penduduk pertama yang meliputi Negeri-Negeri Selat dan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu dan Borneo Utara (Sabah)

1911

Banci Penduduk meliputi Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu

1930

Pengumpulan perangkaan perdagangan luar negeri oleh Jabatan Kastam meliputi Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu dan Negeri-Negeri Selat. *Colony of North Borneo* mengumpul maklumat perdagangan luar negeri bagi negeri di Borneo. Pengumpulan data di Tanah Melayu dan Borneo tertumpu kepada hasil-hasil komoditi seperti getah, rempah ratus, bijih timah, arang batu dan sebagainya.

1931

Data bagi estet getah dikumpul untuk Semenanjung Malaya pada 1931. Pengumpulan terhenti semasa Perang Dunia Kedua (1941-1945) dan diterbitkan semula pada 1946.

1944

Laporan *Evacuees Census Table* 1944 dikeluarkan.

Selepas Perang Dunia Kedua

- Pusat Pendaftar Perdagangan telah ditubuhkan di bawah Ordinan Kastam bagi mengumpulkan data perdangangan luar negeri.
- Satu seksyen di Jabatan Pertanian telah ditubuhkan bagi tujuan memungut data mengenai pengeluaran tanaman di estet.

1945

Sistem *hand-pick* diperkenalkan bagi pengumpulan dan pengeluaran perangkaan perdagangan

1947

Banci Penduduk Negeri Sarawak

BERMULANYA DI SINI... (1949-1960)

1949

Enakmen Statistics Ordinance 1949 - Seksyen statistik di Pusat Pendaftar Perdagangan dan Jabatan Pertanian digabungkan menjadi Biro Statistik

1952

Kaedah-kaedah Statistik (Fi) 1952 di bawah Seksyen 9 *Statistics Ordinance 1949* diwujudkan

1954

Pengumpulan dan pemprosesan data menggunakan *ICT tabulator* dan *Key Punch Machine* (65 ruangan)

1955

Permulaan penyusunan Statistik Akaun Negara

1957

- *Household Budget Survey* yang pertama
- Banci Penduduk Malaya yang terakhir dijalankan oleh Kerajaan British
- Pemprosesan data dengan menggunakan *Card Reader, Sorter* dan *Tabulator*

1959

Retail Price Index yang pertama dikeluarkan

1960

- Satu jawatankuasa dipengerusikan oleh Y.M. Raja Tan Sri Mohar bin Raja Badiozaman telah dibentuk pada 5 Mac 1960 untuk mengkaji semula perkhidmatan perangkaan dalam Kerajaan
- Banci Penduduk untuk Sabah dan Sarawak
- *Census of Manufacturing Industries* yang pertama
- *Census of Agriculture* dijalankan dengan kerjasama Jabatan Pertanian

INTEGRASI DAN PERKEMBANGAN AKTIVITI STATISTIK (1961-1970)

1962

- Pemprosesan data menggunakan mesin ICL (80 ruangan)
- Penyiasatan Nasional (Tenaga Buruh), Semenanjung Malaya

1963

Penubuhan Malaysia mengintegrasikan perkhidmatan statistik di Persekutuan Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak

1964

- *Survey of Construction Industries* yang pertama
- *Mining Census* yang pertama
- Kutipan data estet getah diperluaskan ke Sarawak
- *Vital Statistics, States of Malaya*, 1963 diterbitkan

1965

- Akta Perangkaan 1965 telah diluluskan oleh Parlimen dan Biro Perangkaan dikenali sebagai Jabatan Perangkaan
- Biro Statistik Sarawak dan Jabatan Perangkaan Sabah telah menjadi cawangan Jabatan Perangkaan Malaysia
- Penubuhan Pusat Gerakan Luar

1967

- Banci Perdagangan Edaran, Malaysia Barat yang pertama
- Penyiasatan Sampel Isi Rumah (Tenaga Buruh), Semenanjung Malaysia mula menggunakan kaedah tempoh rujukan bergerak

PERKEMBANGAN DITERUSKAN... (1971-1980)

1973

- Penubuhan Pusat Operasi Sarikei
- Banci Pengkuarian Batu yang pertama
- Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah (HIS) yang pertama
- Penyiasatan Perbelanjaan Isi Rumah (HES) yang pertama bagi peringkat Malaysia

1974

- Penyiasatan Tenaga Buruh menggunakan tempoh rujukan tetap
- Laporan Banci Perusahaan-Perusahaan Terpilih 1971 & 1972, Semenanjung Malaysia

1975

- Penempatan pegawai kader di Jabatan Pertanian
- Laporan Banci Pertubuhan Profesional dan Yayasan (Sektor Swasta) 1971 & 1972, Semenanjung Malaysia

1976

Penubuhan Pusat Operasi Sri Aman

1977

- Penubuhan Pusat Operasi Limbang
- Banci Pertanian, Malaysia yang pertama

1978

Penubuhan Pusat Operasi Bintulu

1980

- Banci Penduduk dan Perumahan yang kedua
- Komputer ICL 1904A digantikan dengan ICL 2956 yang mempunyai memori 1.5MB

PENINGKATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT (1981-1990)

1981

Penyiasatan Migrasi, Semenanjung Malaysia yang pertama

1982

Komputer ICL ME 29 dengan memori 512 KB telah dipasang di Pejabat Cawangan Sabah dan Sarawak

1987

- Modul Kemudahan Asas dimasukkan dalam HIS dan dikenali sebagai Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah / Kemudahan Asas
- Komputer IBM 4381 - P12 dengan memori 16MB telah menggantikan komputer ICL 2956
- Komputer mikro diperkenalkan

1988

- Rancangan Korporat Jabatan yang pertama, 1988-1992
- Komputer ICL ME 29 di Pejabat Cawangan Sabah dan Sarawak telah digantikan dengan Fujitsu FACOM M730/6 yang mempunyai memori 9MB

1989

Sistem Maklumat Geografi (GIS) digunakan dalam Banci Penduduk dan Perumahan

1990

- Penubuhan Pusat Operasi di Kulim, Taiping dan Muar
- Komputer IBM 4381-P12 di Ibu Pejabat digantikan dengan IBM 9121-190 yang mempunyai memori 64MB

PENGGUNAAN ICT DALAM STATISTIK (1991-1999)

1991

Banci Penduduk dan Perumahan yang ketiga

1993

HES dijalankan sekali dalam setiap lima tahun

1994

- Banci Perdagangan Edaran yang kedua
- Permulaan pemprosesan data di Cawangan Negeri

1995

- Penubuhan Pejabat Operasi Sungai Petani menggantikan Pusat Operasi Kulim
- SIDAP diperluaskan di Pejabat Negeri

1997

- Pembangunan Sistem Pangkalan Data Rangka Banci (SPDRB)
- Pengenalan kemudahan e-mel menggunakan JARING

1998

- Laman web rasmi yang pertama dibangunkan
- Penerbitan Kompendium Perangkaan Alam Sekitar pertama

1999

Penyebaran Perangkaan Tenaga Buruh Suku Tahunan

KE ARAH MILLENIA (2000-2009)

2000

- Banci Penduduk dan Perumahan yang keempat
- Pengiktirafan MS ISO 9002:1994 bagi pengumpulan, pemprosesan, pentafsiran dan penyebaran Indeks Harga Pengguna

2001

- Nama Cawangan Negeri ditukar kepada Jabatan Perangkaan Negeri dan Pusat Operasi ditukar kepada Pejabat Operasi
- Perpindahan dari Wisma Statistik, Kuala Lumpur ke Putrajaya
- Unit Perangkaan Alam Sekitar dinaik taraf kepada Seksyen Perangkaan Alam Sekitar
- Banci Ekonomi dijalankan
- Penerbitan pertama untuk:
 - Perangkaan Petroleum dan Gas Asli
 - Indeks Pelopor, Serentak dan Susulan
- SIDAP-WAN diperkenalkan

2003

Pelaksanaan pelan penstrukturran:

- Penubuhan Jabatan Perangkaan Negeri Perlis, Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan dan 6 Pejabat Operasi (Kluang, Teluk Intan, Seberang Prai, Bentong, Labuan dan Keningau)
- *Productivity Investment Climate Survey (PICS)* yang pertama
- *Malaysian Knowledge Content Survey (Myke)* yang pertama
- Perluasan SIDAP-WAN ke Jabatan Perangkaan Negeri

2004

Penyiasatan Tenaga Buruh secara bulanan bermula

2005

- Rancangan Korporat Jabatan yang ketiga, 2005-2009
- Banci Pertanian yang kedua
- Banci Baseline Pertubuhan dan Enterpris yang pertama
- *Intelligent Character Recognition (ICR)* diperkenalkan

2006

- Pertanian dan Industri Pembalakan dimasukkan dalam Banci Ekonomi
- Penyiasatan Khas Perbelanjaan Modal 2005 yang pertama
- Kelulusan penubuhan Institut Latihan Statistik Malaysia di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan
- Pembangunan pangkalan data Perusahaan Kecil Sederhana (PKS)

2007

- Kelulusan penstrukturran semula yang kedua:
 - Pewujudan Bahagian Koordinasi Data
 - Seksyen Pertanian dinaik taraf kepada Bahagian Perangkaan Pertanian dan Asas Tani
 - 10 Pejabat Operasi baru (Langkawi, Kajang, Gombak, Putrajaya, Besut, Kerteh, Kuala Krai, Kapit, Lahad Datu dan Kota Marudu)
- Penyiasatan Gaji dan Upah bermula
- Penggunaan GIS dalam penyediaan peta blok penghitungan

2008

- Penyiasatan *International Investment Position (IIP)* yang pertama
- Pengiktirafan MS ISO 9001:2000 pada Indeks Harga Pengguna, Statistik Pembuatan Bulanan dan Statistik Penyiasatan Tenaga Buruh
- Laman web Jabatan dipertingkatkan
- Pembangunan ICT:
 - Penggunaan PDA dalam pungutan harga
 - *National Enterprise-Wide Statistical Systems (NEWSS)* bermula
 - Penyiasatan atas talian bagi Penyiasatan Pembuatan Bulanan diperkenalkan

2009

- Peningkatan komunikasi data:
 - mySMS
 - Muat turun percuma penerbitan
- Sambutan 60 Tahun Jabatan Perangkaan Malaysia
 - Logo baru
 - Lagu Jabatan yang pertama
- Penjenamaan "Penjana Statistik Negara"





RANGKUMAN PENCAPAIAN 2010-2014

2010

- Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia kelima
 - Pengenalan DOPU dan e-census
 - *Intelligent Character Recognition (ICR)* dan *Computer Assisted Coding (CAC)*
 - Perluasan penggunaan GIS
- Sambutan Hari Statistik Sedunia yang pertama
- Penerbitan pertama untuk:
 - Keluaran Dalam Negeri Kasar (Negeri)
 - *Supply and Use Table, Malaysia*
 - Indikator Utama Tenaga Buruh secara bulanan
- Inovasi
 - NEWSS Fasa I
 - Perangkaan Perdagangan Luar Negeri Malaysia atas talian (METS online)

2011

- Banci Ekonomi yang ketiga
- Anugerah 4 bintang Audit Indeks Akauntabiliti
- Pengiktirafan MS ISO 9001:2008
- Penyerahan kompleks ILSM
- Penerbitan pertama untuk:
 - Indeks Perdagangan Edaran
 - Perangkaan Stok Modal
- Anugerah pengiktirafan 5 bintang untuk Laman Web Jabatan
- Pelan Strategik Teknologi Maklumat (PSTM) 2011-2015
- *Population Quick Info*

2012

- Kursus pertama di ILSM
- Penerbitan pertama untuk:
 - Statistik Pelaburan Langsung Asing dan Pelaburan Langsung Luar Negeri
 - Akaun Satelit Pelancongan
 - Banci Ekonomi 2011
 - Banci Ekonomi 2011-Profil Perusahaan Kecil dan Sederhana
- Pengiktirafan 5 bintang Portal Jabatan dari Anugerah *Strategic Achievers*

Inovasi

- NEWSS Fasa II
- *Malaysia Informative Data Centre (MyIDC)*
- Penyiasatan Perkhidmatan Suku Tahunan Atas Talian (e-QSS)
- Pewujudan Media Sosial Jabatan
 - *Facebook* dan *Twitter*

2013

- Pembangunan ILSM Fasa II
- Pensijilan 5S oleh MPC
- Pensijilan MS ISO/IEC 270001:2007
- Penyiasatan Penggunaan dan Capaian ICT oleh Individu dan Isi Rumah yang pertama
- Penerbitan pertama untuk:
 - Perusahaan Kecil dan Sederhana Akaun Negara
 - Pembentukan Modal Tetap Kasar
- Inovasi
 - Pelancaran *e-Services*
 - Laman web ILSM sebagai *sub-Agencies Gateway*
 - Penggunaan PC Tablet dalam pungutan harga
 - *Computer Assisted Telephone Interview (CATI)* bagi soal selidik Penyiasatan Tenaga Buruh

2014


- Banci Perdagangan Edaran yang ketiga
- Penyiasatan baru:
 - Penyiasatan Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah
 - Penyiasatan Guna Tenaga Suku Tahunan
- Penerbitan baru:
 - Akaun Satelit Teknologi Maklumat dan Komunikasi
 - Laporan Penyiasatan Penggunaan dan Capaian ICT oleh Individu dan Isi Rumah
 - Laporan Penyiasatan Gaji dan Upah
- Inovasi:
 - Portal baru yang interaktif
 - *Data warehouse StatsDW*
 - *e-Services* memenangi Anugerah Gangsa bagi kategori Bukan ICT dalam AJPM
 - Perangkaan Perdagangan Luar Negeri Malaysia Atas Talian versi 2.0 (METS Online 2.0)

Maklumat Korporat



VISI

Menjadi sebuah Organisasi Statistik yang Terbilang di Dunia Menjelang 2020



MISI

Penjana Statistik Negara yang berintegriti dan *reliable* untuk perancangan dan pembangunan nasional melalui:



Penggunaan metodologi dan amalan terbaik



Penyelidikan dan analisis statistik yang berterusan



Penggunaan teknologi yang terbaik



Modal insan yang kompeten dan berinovasi



OBJEKTIF

- Mengukuh dan meningkatkan perkhidmatan statistik serta sistem penyampaian;
- Memenuhi keperluan pengguna dalam persekitaran yang dinamik dan mencabar;
- Meningkatkan keupayaan penyelidikan dan analisis data;
- Menggunakan metodologi statistik dan teknologi yang terbaik secara maksimum;
- Memupuk budaya inovasi dalam penghasilan dan penyampaian produk dan perkhidmatan perangkaan;
- Mempunyai sumber manusia yang kompeten dengan tahap profesionalisme yang tinggi; dan
- Memperluaskan penggunaan statistik di kalangan pengguna.



FUNGSI

Di bawah "Akta Perangkaan 1965 (Disemak 1989)", fungsi utama Jabatan Perangkaan Malaysia ialah:

- mengumpul dan mentafsirkan perangkaan bagi tujuan pembentukan atau pelaksanaan dasar-dasar kerajaan dalam apa juga bidang yang diperlukan oleh kerajaan atau bagi memenuhi keperluan-keperluan perdagangan, perniagaan, perindustrian, pertanian atau lain-lain; dan
- menyebar perangkaan yang telah dikumpul atau tafsiran yang dibuat atas perangkaan yang dikumpul itu, bukan sahaja kepada agensi-agensi kerajaan, tetapi juga kepada pihak-pihak berkuasa atau orang-orang yang mana maklumat itu berguna untuk mereka.



DASAR KUALITI

Jabatan Perangkaan Malaysia komited untuk membekalkan maklumat dan perkhidmatan statistik yang berorientasikan pengguna, bertepatan masa dan berkualiti. Ia dicapai melalui penggunaan teknik statistik dan teknologi yang terkini dan sesuai serta melalui peningkatan pengetahuan dan kemahiran anggota Jabatan di pelbagai peringkat secara berterusan.



PIAGAM PELANGGAN

Kami komited untuk menyedia dan membekal maklumat perangkaan yang berkualiti, berorientasi pengguna dan bertepatan masa berdasarkan keperluan:

1. *Special Data Dissemination Standard (SDDS).*
2. Data yang diterbitkan disediakan dalam tempoh satu hingga dua hari bekerja.
3. Data yang tidak diterbitkan:
 - Data yang dipetik (*extract*) dari penjadualan komputer yang tersedia, disediakan dalam tempoh tiga hingga lima hari bekerja.
 - Data yang memerlukan pengiraan, penyusunan dan proses tambahan disediakan dalam tempoh dua hingga 10 hari bekerja.
4. Pengguna di kaunter akan dilayan dalam tempoh 10 minit daripada masa ketibaan.
5. Aduan yang diterima melalui surat/ e-mel/ faks/ telefon akan diambil tindakan dalam masa tujuh hari bekerja.



NILAI TERAS

Dalam merealisasikan visi, misi dan objektif JP, semua anggota JP perlu menghayati dan mengamalkan nilai-nilai teras seperti berikut:

1. Kepuasan Pelanggan

Memberikan layanan yang mesra dan profesional kepada pengguna perangkaan.

Sentiasa peka dan prihatin kepada keperluan pelanggan dalam persekitaran yang dinamik.

2. Profesionalisme

Mengamalkan profesionalisme dalam melaksanakan tugas dengan mempunyai komitmen yang tinggi, bertanggungjawab dan gigih, memiliki ciri-ciri bijaksana, kreatif, inovatif, berdaya saing dan proaktif serta bertindak berdasarkan amalan statistik terbaik.

3. Kompeten

Mengutamakan kompetensi dengan sentiasa berusaha meningkatkan pengetahuan dan kemahiran untuk mencapai kualiti kerja terbaik, mempelajari pelbagai kemahiran bagi membuat pelbagai tugas, peka terhadap perubahan semasa, berdisiplin, kerohanian dan berdedikasi terhadap kerja serta pembelajaran berterusan.

4. Integriti dan Akauntabiliti

Melaksanakan tugas dengan penuh amanah, ikhlas dan jujur mengikut peraturan dan prosedur kerja tanpa kepentingan peribadi, memastikan kerahsiaan maklumat individu responden dan bertanggungjawab terhadap tugas yang dilaksanakan.

5. Semangat Berpasukan

Bertindak ke arah merealisasikan visi, misi dan objektif Jabatan dengan penglibatan semua anggota sebagai satu pasukan.

6. Berhemah dan Berwibawa

Mempamerkan sifat-sifat terpuji seperti adil dan saksama, bertimbang rasa, mesra, sabar, tegas dan konsisten dalam membuat keputusan, dapat menyesuaikan diri dalam semua situasi, bersedia mendengar pandangan dan teguran, dan sentiasa berketerampilan dan berbudi bahasa.



PELAN STRATEGIK JABATAN

Pelan Strategik Jabatan (PSJ) 2010-2014 merupakan pelan tindakan dan pelan pelaksanaan untuk menentukan hala tuju Jabatan bagi tempoh 5 tahun. Tahun 2014 merupakan tahun terakhir pelaksanaan pelan ini. Kebanyakan sasaran PSJ ini telah berjaya dicapai lebih awal daripada tempoh yang ditetapkan.

TERAS STRATEGIK 1 : MAKLUMAT YANG BERINTEGRITI DAN *RELIABLE*

STRATEGI 1

Memperkasakan Perkhidmatan Statistik dalam Persekutuan yang Dinamik dan Mencabar

STRATEGI 2

Menggunakan Metodologi Statistik dan Teknologi secara Optimum

STRATEGI 3

Mempertingkatkan Kefahaman dan Penggunaan Statistik di Kalangan Pengguna dan Komuniti

STRATEGI 4

Memperluaskan Rangkaian dengan Pihak Pembekal dan Pengguna

TERAS STRATEGIK 2 : MEMPERTINGKATKAN PENYELIDIKAN DAN ANALISIS SERTA MEMBUDAYAKAN INOVASI

STRATEGI 1

Meningkatkan Keupayaan Penyelidikan dan Analisis

STRATEGI 2

Memupuk Budaya Inovasi dalam Penghasilan dan Penyampaian Produk dan Perkhidmatan Statistik

STRATEGI 3

Membangunkan Modal Insan yang Kompeten pada Tahap Profesionalisme yang Tinggi

TERAS STRATEGIK 3 : MEMPERKASAKAN PENGURUSAN SUMBER

STRATEGI 1

Memperkuatkan Pengurusan Sumber Manusia

STRATEGI 2

Memantapkan Pengurusan Sumber Kewangan dan Aset

STRATEGI 3

Meningkatkan Kecekapan Khidmat Pengurusan dan Pentadbiran

STRATEGI 4

Mempertingkatkan Sumber dan Kecekapan Pengurusan Teknologi Maklumat

JP Negeri & Pejabat Operasi

Johor

Pejabat Negeri

Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Johor,
Tingkat 14, Menara Tabung Haji,
Jalan Air Molek,
80000 Johor Bharu
Johor
Tel: 07 - 2253 700
Faks: 07 - 2249 972
E-mel: jpjohor@stats.gov.my

Pejabat Operasi Kluang,
Jabatan Perangkaan Malaysia,
No. 16 & 18, Tingkat 1, 2 & 3,
Jalan Md. Lazim Saim,
86000 Kluang
Johor
Tel: 07 - 778 3700 / 776 7559
Faks: 07 - 776 756060

Pejabat Operasi Muar,
Jabatan Perangkaan Malaysia,
No. 19-4, Tingkat 2, Bangunan Tiam Lock,
Taman Sungai Abong, Sungai Abong,
84000 Muar
Johor
Tel: 06 - 956 3700
Faks: 06 - 953 7523 / 952 2633

Kedah

Pejabat Negeri

Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Kedah,
Aras 1, Zon C, Wisma Persekutuan,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
Bandar Muadzam Shah,
06550 Anak Bukit,
Kedah
Tel: 04 - 7001 240
Faks: 04 - 7338 412
E-mel: kedah@stats.gov.my

Pejabat Operasi Langkawi
Pejabat Operasi Langkawi,
Jabatan Perangkaan Malaysia,
Tingkat 5, Plaza Langkawi,
07000 Kuah, Langkawi,
Kedah
Tel: 04 - 9692901
Faks: 04 - 9692903

Pejabat Operasi Sungai Petani
Pejabat Operasi Sungai Petani,
Jabatan Perangkaan Malaysia,
Tingkat 1, Wisma Ria,
08000 Sungai Petani,
Kedah
Tel: 04 - 420 2900
Faks: 04 - 420 2901

Kelantan

Pejabat Negeri

Jabatan Perangkaan Malaysia
Negeri Kelantan,
Tingkat 8, Bangunan Persekutuan,
Jalan Bayam, 15514 Kota Bharu,
Kelantan.
Tel: 09 - 7419 449
Faks: 09 - 7482 142
E-mel: jpkelantan@stats.gov.my

Pejabat Operasi Kuala Krai
Pejabat Operasi Kuala Krai,
Jabatan Perangkaan Malaysia,
Lot 3098-3099, Tingkat 1,
Bangunan Tropika Gemilang,
Jalan Besar Guchil,
18000 Kuala Krai, Kelantan
Tel: 09 - 960 2362
Faks: 09 - 960 2360

Melaka

Pejabat Negeri

Jabatan Perangkaan Malaysia
Negeri Melaka,
Aras 7 & 8, Wisma Persekutuan,
Jalan MITC, Hang Tuah Jaya,
75450, Ayer Keroh, Melaka.
Tel: 06 - 2522 725
Faks: 06 - 2522 711
E-mel: jpmelaka@stats.gov.my

Negeri Sembilan

Pejabat Negeri

Jabatan Perangkaan Malaysia
Negeri Sembilan,
Tingkat 12, Wisma Persekutuan,
Jalan Dato' Abdul Kadir,
70000 Seremban, Negeri Sembilan.
Tel: 06 - 7655 000
Faks: 06 - 7655 002
E-mel: jpnsembilan@stats.gov.my

Pahang

Pejabat negeri

Jabatan Perangkaan Malaysia
Negeri Pahang,
Tingkat 7, Bangunan Persekutuan,
Jalan Gambut, 25000 Kuantan,
Pahang.
Tel: 09 - 5163 931 / 7
Faks: 09 - 5144 636
E-mel: jppahang@stats.gov.my

Pejabat Operasi Bentong

Pejabat Operasi Bentong,
Jabatan Perangkaan Malaysia,
Tingkat 2 dan 3, Bangunan Tabung Haji,
Jalan Ah Peng, 28700 Bentong, Pahang
Tel: 09 - 223 5479/223 4414/223 5282
Faks: 09 - 223 459260

Pejabat Operasi Temerloh

Pejabat Operasi Temerloh,
Jabatan Perangkaan Malaysia,
Tingkat 3, Bangunan Tabung Haji,
Jalan Ibrahim, 28000 Temerloh Pahang
Tel: 09 - 296 1401/296 9561
Faks: 09 - 296 10543

Pulau Pinang

Pejabat negeri

Jabatan Perangkaan Malaysia
Negeri Pulau Pinang,
Tingkat 6, Bangunan Persekutuan,
10400 Jalan Anson, Pulau Pinang.
Tel: 04 - 2266 244
Faks: 04 - 2299 499
E-mel: jpppinang@stats.gov.my

Pejabat Operasi Seberang Perai

Pejabat Operasi Seberang Perai,
Jabatan Perangkaan Malaysia,
Tingkat 3, Wisma Persekutuan,
Seberang Perai Utara, Jalan Bertam 2,
13200 Kepala Batas
Tel: 04 - 5756733/5756732
Faks: 04 - 5756734

Perak

Pejabat Negeri

Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Perak,
Tingkat 3, Blok A, Bangunan Persekutuan Ipoh,
Jalan Dato' Seri Ahmad Said (Greentown),
30450 Ipoh, Perak.
Tel: 05 - 2554 963
Faks: 05 - 2551 073
E-mel: jpperak@stats.gov.my

Pejabat Operasi Taiping

Pejabat Operasi Taiping,
Jabatan Perangkaan Malaysia,
Tingkat 3, Bangunan Kerajaan Persekutuan,
Jalan Istana Larut, 34000 Taiping, Perak
Tel: 05 - 806 1544/807 1315
Faks: 05 - 806 4002

Pejabat Operasi Teluk Intan

Pejabat Operasi Teluk Intan,
Pejabat Perangkaan Malaysia,
Tingkat 3, Blok A, Bangunan
Kerajaan Persekutuan,
36000 Teluk Intan, Perak
Tel: 05 - 621 2951/622 6834
Faks: 05 - 623 1275

Perlis

Pejabat Negeri

Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Perlis,
Tingkat 1, Bangunan Perodua Kangar,
No. 2C, Persiaran Jubli Perak,
01000 Kangar, Perlis
Tel: 04-976 7381 / 976 9025
Faks: 04-976 8950
E-mel: jpperlis@stats.gov.my

Selangor

Pejabat negeri

Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Selangor,
Tingkat 9, Bangunan Darul Ehsan,
Jalan Indah, Seksyen 14, 40000 Shah Alam,
Selangor.
Tel: 03 - 5515 0200
Faks: 03 - 5518 0408
E-mel: jpselangor@stats.gov.my

Pejabat Operasi Gombak

Pejabat Operasi Gombak,
Jabatan Perangkaan Malaysia,
No. C1, Jalan Reef 1/2,
Putus Perniagaan Reef, 48000 Rawang
Selangor
Tel: 03 - 6093 2069
Faks: 03 - 6093 204

Pusat Operasi Kajang

Pusat Operasi Kajang,
Jabatan Perangkaan Malaysia,
Tingkat 2, Lot 13, Jalan S10/3,
Seksyen 10 Off Jalan Bukit, 43000 Kajang
Selangor
Tel: 03 - 8734 3089
Faks: 03 - 8734 3171

Terengganu

Pejabat Negeri

Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Terengganu,
Tingkat 9, Wisma Persekutuan,
Jalan Sultan Ismail, 20200 Kuala Terengganu,
Terengganu.
Tel: 09 - 6223 062
Faks: 09 - 6229 659
E-mel: jpterengganu@stats.gov.my

Pejabat Operasi Besut

Pejabat Operasi Besut,
Jabatan Perangkaan Malaysia,
Lot 711, Pekan Kampung Raja,
Daerah Besut, 22200 Besut
Terengganu
Tel: 09 - 695 5114/695 5145
Faks: 09 - 695 514

Pejabat Operasi Kerteh
Pusat Operasi Kerteh,
Jabatan Perangkaan Malaysia,
Lot No. 54, Kedai Bandar Seri Kerteh,
Bandar Baru Kerteh,
24300 Kerteh, Kemaman, Terengganu.
Tel: 09 - 826 0350
Faks: 09 - 826 0351

Sabah

Pejabat Negeri
Jabatan Perangkaan Malaysia
Negeri Sabah,
Tingkat 1-3, Blok C,
Kompleks Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan Sabah,
Jalan UMS, Beg Berkunci 2046,
88999 Kota Kinabalu, Sabah.
Tel: 088 - 484 602
Faks: 088 - 484 659
E-mel: jpsabah@stats.gov.my

Pusat Operasi Keningau
Pusat Operasi Keningau,
Jabatan Perangkaan Malaysia,
Lot 37, Blok F,
Kompleks Perdagangan Adika,
Jalan Masak, 89009 Keningau
Tel: 087 - 339 634
Faks: 087 - 338 088

Pejabat Operasi Kota Marudu
Pejabat Operasi Kota Marudu,
Jabatan Perangkaan Malaysia,
Lot 1, Tingkat 2, Taman W.T.K.,
Fasa 2, Off Jalan Tandek,
89108 Kota Marudu, Sabah.
Tel: 089 - 663 862
Faks: 088 - 663 864

Pejabat Operasi Lahad Datu
Pejabat Operasi Lahad Datu,
Jabatan Perangkaan Malaysia,
Blok J, Lot No. 3 & 4, Tingkat 1,
Rumah Teres SEDCO 3 , Fasa III,
91110 Lahad Datu, Sabah.
Tel: 089 - 883 500
Faks: 089 - 883 600

Sarawak
Pejabat Negeri
Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Sarawak,
Tingkat 7 & 8, Bgn. Tun Datuk Patinggi
Tuanku Hj. Bujang, Jln. Simpang 3,
93514 Kuching, Sarawak.
Tel: 082 - 240 287
Faks: 082 - 242 609
E-mel: sarawak@stats.gov.my

Pejabat Operasi Bintulu
Pejabat Operasi Bintulu,
Jabatan Perangkaan Malaysia,
Tingkat 1, Wisma Persekutuan,
P.O Box 616, 97000 Bintulu
Sawawak.
Tel: 086 - 330 359
Faks: 086 - 331 918
E-mel: po.bintulu@stats.gov.my

Pejabat Operasi Kapit
Pusat Operasi Kapit,
Jabatan Perangkaan Malaysia,
Lot 11, Tingkat 1, Jalan Kapit By-Pass,
96800 Kapit, Sarawak.
Tel: 084 - 797 833
Faks: 084 - 797 834
E-mel: po.kapit@stats.gov.my

Pejabat Operasi Limbang
Pejabat Operasi Limbang,
Jabatan Perangkaan Malaysia,
Tingkat 2, Wisma Persekutuan,
P.O Box 446, 98708 Limbang
Sarawak.
Tel: 085 - 21 3343
Faks: 085 - 21 4470
E-mel: po.limbang@stats.gov.my

Pejabat Operasi Miri
Pejabat Operasi Miri,
Jabatan Perangkaan Malaysia,
Tingkat Atas, Blok B, Wisma Persekutuan,
Jalan Cahaya Lopeng, 98007 Miri
Tel: 085 - 42 8529
Faks: 085 - 44 2377/44 2399
E-mel: po.miri@stats.gov.my


Pejabat Operasi Sarakei
Pejabat Operasi Sarakei,
Jabatan Perangkaan Malaysia,
Tingkat 1, No. 22, Jalan Lorong Tapah,
Putus komersial Sadok, 96100 Sarakei
Tel: 084 - 65 3157
Faks: 084 - 65 1019
E-mel: po.sarakei@stats.gov.my

Pejabat Operasi Sibu
Pejabat Operasi Sibu,
Jabatan Perangkaan Malaysia,
Tingkat 3, Blok 3, Wisma Persekutuan,
Jalan Persiaran Brooke, P.O Box 366,
96000 Sibu
Tel: 084 - 34 6203
Faks: 084 - 34 4158
E-mel: po.sibu@stats.gov.my

Pejabat Operasi Sri Aman
Pejabat Operasi Sri Aman,
Jabatan Perangkaan Malaysia,
Tingkat 2, Bangunan Pejabat Fasa 2,
Jalan Kejatau, P.O. Box 69,
95000 Sri Aman
Tel: 083 - 32 1355
Faks: 083 - 32 2301
E-mel: po.sriaman@stats.gov.my

Pejabat Operasi Putrajaya
Pejabat Operasi Putrajaya,
Jabatan Perangkaan Malaysia,
No.2A, Tingkat 1, Jalan Diplomatik 2/1,
Persint 15, Pusat Pentadbiran
Kerajaan Persekutuan,
62050 Putrajaya
Tel: 03 - 8890 4542 / 8890 4540
Faks: 03 - 8890 4541

Pejabat Negeri
Jabatan Perangkaan Malaysia
Wilayah Persekutuan,
Tingkat 14 & 15, Wisma Sime Darby,
Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur.
Tel: 03 - 2267 2400
Faks: 03 - 2274 5075
E-mel: jpwpkl@stats.gov.my



Jabatan Perangkaan, Malaysia
Blok C6, Kompleks C,
Federal Government Administrative Centre,
62514 Putrajaya

03-8885 7000

03-8888 9248

jpbkkp@stats.gov.my

www.statistics.gov.my




Carta Organisasi

KETUA PERANSURAWAN MELAYU



INT INTEGRIT



Pengurusan



DATUK DR. HAJI ABDUL RAHMAN BIN HASAN
KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA

Kelayakan Akademik

Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) Statistik, Universiti Kebangsaan Malaysia
Master of Arts in Demography, Australian National University
Doktor Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia

Pengalaman

- Kementerian Wilayah Persekutuan (1980-1983)
- Bahagian Pertanian (1983-1985)
- Bahagian Demografi (1987-1988)
- Bahagian Tenaga Buruh dan Migrasi (1988-1992)
- Bahagian Pendapatan dan Perbelanjaan Ibu Rumah (1996-2001)
- Bahagian Pembangunan Perangkaan (2001-2002)
- Bahagian Perangkaan Harga, Pendapatan dan Perbelanjaan (2002-2003)
- Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Selangor (2003-2005)
- Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan (2006-2007)
- Bahagian Perangkaan Perkhidmatan (Jun-Okttober 2007)
- Timbalan Ketua Perangkawan Program Ekonomi (November 2007-Ogos 2012)



**TUAN HAJI ISMAIL
BIN YUSOFF**

TIMBALAN KETUA PERANGKAWAN
PROGRAM SOSIAL/DEMOGRAFI

Kelayakan Akademik

Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) Statistik,
Universiti Kebangsaan Malaysia

Pengalaman

- Bahagian Sampel Gerakan Luar (1980-1983)
- Jabatan Perangkaan Negeri Kelantan (1983-1990)
- Bahagian Harga-harga dan Enterprise (1990-1992)
- Bahagian Harga-harga (1992-2002)
- Bahagian Latihan Perangkaan (2002)
- Bahagian Perangkaan Harga, Pendapatan dan Perbelanjaan (2003-2007)



**PUAN HAJAH OMI KELSON
BINTI HAJI ELIAS**

TIMBALAN KETUA PERANGKAWAN
PROGRAM EKONOMI
(SEHINGGA 10 SEPTEMBER 2014)

Kelayakan Akademik

Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian) Statistik,
Universiti Kebangsaan Malaysia

Pengalaman

- Bahagian Demografi (1979-1981)
- Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Tenaga Manusia (MAMPU) (1981-1986)
- Bahagian Demografi (1987-2002)
- Bahagian Perangkaan Tenaga Manusia dan Sosial (2002-2005)
- Bahagian Penunjuk Ekonomi (2005-2008)
- Bahagian Perangkaan Akaun Negara (2008-2012)

Program Khidmat Pengurusan & Sokongan



**PUAN ROSELA
BINTI MAHYUDDIN**

Pengarah Kanan
Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP)



**TUAN HAJI SABRI
BIN OMAR**

Pengarah Kanan
Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM)

Kelayakan Akademik

*Bachelor of Art (Hons), Universiti Malaya
Diploma Pengurusan Awam, INTAN Kuala Lumpur
Masters of Development Administration, Western Michigan,
United State of America*

Bertanggungjawab dalam pengurusan:

- sumber manusia;
- pentadbiran dan keselamatan;
- pengurusan kewangan dan akaun;
- percetakan; dan
- pengurusan aset Jabatan.

Bilangan anggota BKP: 191 orang

Kelayakan Akademik

*Bachelor of Science (Hons) Computer Science,
Universiti Kebangsaan Malaysia
Non-Degree Research Student Program (Relational Database
Design), Universiti Kebangsaan Yokohama, Jepun*

Bertanggungjawab untuk memberi perkhidmatan berkaitan:

- infrastruktur ICT; dan
- sistem aplikasi ICT kepada Bahagian dan JP Negeri.

Bilangan anggota BPM: 147 orang



**PUAN NAZARIA BINTI
BAHARUDIN**

Pengarah
Bahagian Korporat dan Khidmat
Pengguna (BKKP)



**PUAN SITI HASLINDA
BINTI MOHD. DIN**

Pengarah
Bahagian Metodologi & Penyelidikan
(BMP)

Kelayakan Akademik

*BBA (Econs) West Texas State University, Texas,
United State of America
Master in Business Administration, University of Bridgeport,
Connecticut, United State of America
Diploma Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia*

Bertanggungjawab dalam:

- hal ehwal korporat;
- jualan penerbitan;
- mengendalikan permintaan dan penyebaran data;
- menyediakan penerbitan am Jabatan; dan
- penyelaras aktifiti perangkaan dan perhubungan awam dengan agensi luar.

Bilangan anggota BKKP: 26 orang

Kelayakan Akademik

*Sarjana Muda Statistik, Universiti Teknologi Mara
Sarjana Sains Statistik, Universiti Kebangsaan Malaysia*

Berperanan untuk:

- membangun dan mengemaskini rangka bagi benci/penyiasatan;
- menyedia rekabentuk persampelan;
- membuat pemilihan sampel;
- membangun instrument penyelidikan;
- membangun kod dan klasifikasi statistik yang standard;
- menyediakan metodologi dan teknik statistik yang sesuai; dan
- memberi khidmat nasihat metodologi penyelidikan kepada bahagian dan agensi kerajaan lain.

Bilangan anggota BMP: 54 orang



PUAN HABSAH BINTI SALLEH

Pengarah
Bahagian Koordinasi Data (BKD)

Kelayakan Akademik

Sarjana Muda Sains (Statistik), Universiti Kebangsaan Malaysia
Sarjana Sains (Statistik), Universiti Kebangsaan Malaysia

Bertanggungjawab untuk:

- membangun, menyelenggara dan menyelaras pangkalan data sektor ekonomi dan sosial & demografi; dan
- menyelaras aktiviti JP Negeri dan Perkhidmatan Kader.

Bilangan anggota BKD: 36 orang



ENCIK WAN MOHD SHAHRULNIZAM BIN WAN MOHD NAJURI

Pengarah
Institut Latihan Statistik Malaysia (ILSM)

Kelayakan Akademik

Bachelor of Arts in Economics, University of Missouri Kansas City, United State of America
Master of Economics, Universiti Putra Malaysia

Bertanggungjawab merancang dan melaksanakan:

- program latihan; dan
- program pembangunan sumber manusia dalam bidang perangkaan bagi anggota Jabatan.

Bilangan anggota ILSM: 34 orang

Program Sosial & Demografi



TUAN HAJI AZAHARI BIN MOHD RASLAN

Pengarah Kanan
Bahagian Perangkaan Harga, Pendapatan dan Perbelanjaan (BPHPP)

Kelayakan Akademik

Sarjana Muda Sains (Statistik), Universiti Kebangsaan Malaysia
Sarjana Ekonomi (Ekonometrik), Universiti Kebangsaan Malaysia

Bertanggungjawab untuk mengeluarkan:

- indeks harga – indeks harga pengguna, indeks harga pengeluar (pengeluaran tempatan, import, eksport & perkhidmatan) dan indeks kos bahan binaan;
- indikator kecenderungan perniagaan; dan
- pendapatan & perbelanjaan isi rumah.

Bilangan anggota BPHPP: 83 orang



YBHG. DATIN ROZITA BINTI TALHA

Pengarah
Bahagian Perangkaan Penduduk dan Demografi (BPPD)

Kelayakan Akademik

Bachelor of Arts in Economics, University of North Texas, United State of America
Master of Science in Economics, University of North Texas, United State of America

Bertanggungjawab untuk:

- merancang, menyediakan dan melaksanakan banci penduduk & perumahan dan penyiasatan antara banci;
- mengeluarkan statistik penduduk dan perumahan;
- menyediakan maklumat geospasial dan peta menggunakan Sistem Maklumat Geografi (GIS);
- menyusun perangkaan penting – kesuburan, mortaliti, perkahwinan dan penceraian penduduk; dan
- menyusun anggaran penduduk semasa, unjuran penduduk, jangka hayat dan indikator demografi lain.

Bilangan anggota BPPD: 87 orang



PUAN HAJAH ZARINAH BINTI MAHARI

Pengarah
Bahagian Perangkaan Pertanian
dan Alam Sekitar (BPPAS)

Kelayakan Akademik

Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Ekonomi,
Universiti Kebangsaan Malaysia

Bertanggungjawab bagi mengeluarkan dan menyediakan data:

- pertanian daripada penyiasatan atau banci pertumbuhan
 - subsektor tanaman, ternakan, perikanan dan perhutanan & pembalakan; dan
- alam sekitar.

Bilangan anggota BPPAS: 46 orang



PUAN RIYANTI BINTI SAARI

Pengarah
Bahagian Perangkaan Tenaga Manusia
dan Sosial (BPTMS)

Kelayakan Akademik

Sarjana Muda Sains Statistik,
Universiti Kebangsaan Malaysia
Sarjana Sains Statistik,
Universiti Sains Malaysia

Bertanggungjawab untuk:

- menyediakan data tenaga buruh, guna tenaga dan pengangguran, serta guna tenaga sektor informal, gaji dan upah serta migrasi; dan
- mengeluarkan data dan indikator sosial; dan
- menjalankan penyiasatan sosial.

Bilangan anggota BPTMS: 44 orang

Program Ekonomi



PUAN ZUBAIDAH BINTI ISMAIL

Pengarah Kanan
Bahagian Perangkaan Akaun
Negara (BPAN)

Kelayakan Akademik

*Bachelor in Economics (Hons), Universiti Malaya
Master of Arts in Economics, University of Colorado
at Denver, United State of America*

Bertanggungjawab terhadap penyusunan
dan pengeluaran perangkaan:

- Perakaunan Negara – Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK);
- Akaun Negara – Pendapatan Negara, Penggunaan, Tabungan dan pembolehubah ekonomi lain; dan
- Sistem Akaun Negara – Akaun Negara Muktamad, Akaun Satelit Perlancongan, Stok Modal, KDNK Wilayah dan Matriks Perakaunan Sosial.

Bilangan anggota BPAN: 89 orang



DR. MOHD UZIR BIN MAHIDIN

Pengarah Kanan
Bahagian Perangkaan Perkhidmatan (BPP)

Kelayakan Akademik

*Bachelor of Economics (Analytical K.L, Malaysia Economics),
Universiti Malaya
Master of Arts (Economics) – Venderbilt University,
Nashville, United State of America
Doctor of Philosophy (Economics), The University
of Sheffield, United Kingdom*

Bertanggungjawab dalam menyediakan data sektor perkhidmatan
dalam aktiviti:

- perdagangan edaran;
- teknologi maklumat dan komunikasi;
- pengangkutan;
- profesional;
- kesihatan;
- pendidikan;
- perkhidmatan terpilih; dan
- pelancongan.

Bilangan anggota BPP: 80 orang



ENCIK ABDUL LATIB BIN TALIB

Pengarah
Bahagian Petunjuk Ekonomi (BPE)

Kelayakan Akademik

Sarjana Muda Ekonomi, Universiti Kebangsaan Malaysia
Sarjana Ekonomi, Universiti Kebangsaan Malaysia

Bertanggungjawab bagi menyusun:

- Jadual Input-Output;
- Penunjuk ekonomi – Indeks Pelopor, Serentak dan Susulan;
- Akaun Pengagihan dan Penggunaan Pendapatan; dan
- Akaun Modal.

Bilangan anggota BPE: 36 orang



PUAN SITI ASIAH BINTI AHMAD

Pengarah
Bahagian Perangkaan Imbangan
Pembayaran (BPIB)

Kelayakan Akademik

Ijazah Sarjana Muda Pengurusan (Teknologi Maklumat),
Universiti Teknologi Malaysia

Bertanggungjawab untuk menyusun, menganalisis
dan mengeluarkan perangkaan:

- imbalan pembayaran;
- kedudukan pelaburan antarabangsa kedudukan
pelaburan antarabangsa;
- perdagangan perkhidmatan antarabangsa; dan
- data terperinci pelaburan langsung.

Bilangan anggota BPIB: 42 orang



PUAN TAN BEE BEE

Pengarah
Bahagian Perangkaan Perdagangan
Luar Negeri (BPPLN)

Kelayakan Akademik

Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Statistik Ekonomi),
Universiti Kebangsaan Malaysia

*Master of Science (Information System),
University of Portsmouth, United Kingdom*

Bertanggungjawab untuk menyusun dan menyebarkan:

- Perangkaan Perdagangan Luar Negeri; dan
- Indeks Perdagangan Luar Negeri.

Bilangan anggota BPPLN: 118 orang



ENCIK MOHD YAZID BIN KASSIM

Pengarah
Bahagian Perangkaan Pengeluaran Industri
dan Binaan (BPPIB)

Kelayakan Akademik

Ijazah Sarjana Muda Pengurusan (Teknologi),
Universiti Teknologi Malaysia

Bertanggungjawab untuk mengeluarkan statistik berkaitan industri:

- pembuatan;
- pembinaan;
- perlombongan dan penggalian batu; dan
- bekalan elektrik, gas, stim & pendinginan udara.

Bilangan anggota BPPIB: 56 orang



ENCIK AZMI BIN ALI

Ketua Unit Integriti

Kelayakan Akademik

Ijazah Sarjana Muda Perakaunan dengan Kepujian,
Universiti Kebangsaan Malaysia

Bertanggungjawab untuk melaksanakan enam fungsi teras berikut:

- a) tadbir urus;
- b) pengukuhan integriti;
- c) pengesanan dan pengesahan;
- d) pengurusan aduan;
- e) pematuhan; dan
- f) tatatertib.

Bilangan anggota Unit Integriti: 5 orang

JABATAN PERANGKAAN NEGERI

bertanggungjawab untuk:

- a) mengeluarkan perangkaan yang berkualiti dan bertepatan masa;
- b) menyediakan analisis awalan bagi memenuhi keperluan pengguna dalaman Jabatan;
- c) menyediakan rangka isi rumah dan pertubuhan yang lengkap dan kemaskini;
- d) meningkatkan peranan sebagai agensi penghubung di antara Jabatan dan agensi-agensi di peringkat negeri dalam konteks penyebaran maklumat perangkaan; dan
- e) membangunkan sumber manusia yang kompeten dan profesional dalam melaksanakan tugas.

JP Negeri



TUAN HAJI NOREZAN BIN WAHID

Pengarah
Jabatan Perangkaan Malaysia
Negeri Sabah (JP Sabah)



TUAN HAJI IBRAHIM BIN JANTAN

Pengarah
Jabatan Perangkaan Malaysia
Negeri Selangor (JP Selangor)

Kelayakan Akademik

Sarjana Muda Statistik, Institut Teknologi Mara

Bilangan Anggota JP Sabah: 239 orang

- Pejabat Negeri: 169 orang
- Pejabat Operasi Keningau: 7 orang
- Pejabat Operasi Kota Marudu: 6 orang
- Pejabat Operasi Lahad Datu: 7 orang
- Pejabat Operasi Sandakan: 27 orang
- Pejabat Operasi Tawau: 23 orang

Kelayakan Akademik

Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) Matematik,

Universiti Sains Malaysia

Sarjana Sains (Peningkatan Kualiti dan Produktiviti),
Universiti Kebangsaan Malaysia

Bilangan Anggota JP Selangor: 207 orang

- Pejabat Negeri: 147 orang
- Pejabat Operasi Gombak: 26 orang
- Pejabat Operasi Kajang: 34 orang



ENCIK TAN KENG CHUAN

Pengarah
Jabatan Perangkaan Malaysia
Wilayah Persekutuan
(JP Wilayah Persekutuan)



PUAN EZATUL NISHA BINTI ABDUL RAHMAN

Pengarah
Jabatan Perangkaan Malaysia
Negeri Pulau Pinang (JP Pulau Pinang)

Kelayakan Akademik

Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian) dalam Statistik Ekonomi,
Universiti Kebangsaan Malaysia
Diploma Pendidikan, Universiti Malaya
Sarjana Ekonomi (Kepujian), Universiti Kebangsaan Malaysia

Bilangan Anggota JP Wilayah Persekutuan: 195 orang

- Pejabat Negeri: 177 orang
- Pejabat Operasi Labuan: 12 orang
- Pejabat Operasi Putrajaya: 6 orang

Kelayakan Akademik

Ijazah Sarjana Muda (*Financial Economics*),
Conventry University, United Kingdom

Bilangan Anggota JP Pulau Pinang: 125 orang

- Pejabat Negeri: 94 orang
- Pejabat Operasi Seberang Perai: 31 orang



PUAN FUZIAH BINTI MD AMIN

Pengarah
Jabatan Perangkaan Malaysia
Negeri Sarawak (JP Sarawak)



ENCIK MUHAMMAD AMRI BIN IDRIS

Pengarah
Jabatan Perangkaan Malaysia
Negeri Perak (JP Perak)

Kelayakan Akademik

Sarjana Muda Ekonomi, Universiti Kebangsaan Malaysia

Bilangan Anggota JP Sarawak: 283 orang

- Pejabat Negeri: 192 orang
- Pejabat Operasi Bintulu: 9 orang
- Pejabat Operasi Kapit: 6 orang
- Pejabat Operasi Limbang: 7 orang
- Pejabat Operasi Miri: 28 orang
- Pejabat Operasi Sarakei: 6 orang
- Pejabat Operasi Sibu: 28 orang
- Pejabat Operasi Sri Aman: 7 orang

Kelayakan Akademik

Sarjana Muda – Bachelor Sains (Kepujian) Statistik,
Universiti Pertanian Malaysia

Bilangan Anggota JP Perak: 190 orang

- Pejabat Negeri: 160 orang
- Pejabat Operasi Taiping: 15 orang
- Pejabat Operasi Teluk Intan: 15 orang



PUAN SARIPAH BINTI MOHD NOR

Pengarah
Jabatan Perangkaan Malaysia
Negeri Johor (JP Johor)

Kelayakan Akademik

Bachelor Sains Ekonomi Sumber, Universiti Putra Malaysia

Bilangan Anggota JP Johor: 232 orang

- Pejabat Negeri: 168 orang
- Pejabat Operasi Kluang: 22 orang
- Pejabat Operasi Muar: 42 orang



MOHD MARZUKI BIN ABD HAMID

Pengarah
Jabatan Perangkaan Malaysia
Negeri Melaka (JP Melaka)

Kelayakan Akademik

Sarjana Muda Ekonomi,
Universiti Kebangsaan Malaysia

Bilangan Anggota JP Melaka: 83 orang



ENCIK ZURAIDY BIN HAJI ZAINAL ABIDIN

Pengarah
Jabatan Perangkaan Malaysia
Negeri Terengganu (JP Terengganu)

Kelayakan Akademik

Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian),
International Islamic University Malaysia

Bilangan Anggota JP Terengganu: 92 orang

- Pejabat Negeri: 80 orang
- Pejabat Operasi Besut: 6 orang
- Pejabat Operasi Dungun: 6 orang



PUAN NORALIZA BINTI MOHAMAD ALI

Pengarah
Jabatan Perangkaan Malaysia
Negeri Sembilan (JP Negeri Sembilan)

Kelayakan Akademik

Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian), Universiti Utara Malaysia

Bilangan Anggota JP Negeri Sembilan: 81 orang



PUAN SUZANA BINTI ABU BAKAR

Pengarah
Jabatan Perangkaan Malaysia
Negeri Kedah (JP Kedah)

Kelayakan Akademik

Sarjana Muda Sains (Kepujian) Statistik,
Universiti Kebangsaan Malaysia

Bilangan Anggota JP Kedah: 128 orang

- Pejabat Negeri: 84 orang
- Pejabat Operasi Langkawi: 6 orang
- Pejabat Operasi Sungai Petani: 38 orang



PUAN SHAFIZAERMAWATY BINTI SHAFEI

Pengarah
Jabatan Perangkaan Malaysia
Negeri Kelantan (JP Kelantan)

Kelayakan Akademik

Sarjana Muda Sains Statistik, Universiti Kebangsaan Malaysia

Bilangan Anggota JP Kelantan: 91 orang

- Pejabat Negeri: 85 orang
- Pejabat Operasi Kuala Krai: 6 orang



PUAN SITI ZAKIAH BINTI MUHAMAD ISA

Pengarah
Jabatan Perangkaan Malaysia
Negeri Pahang (JP Pahang)

Kelayakan Akademik

*Bachelor of Art (Economics), Staffordshire University,
United Kingdom*

Bilangan Anggota JP Pahang: 101 orang

- Pejabat Negeri: 82 orang
- Pejabat Operasi Bentong: 13 orang
- Pejabat Operasi Temerloh: 6 orang



ENCIK MOHD SHAHRILL BIN ABD RASHID

Pengarah
Jabatan Perangkaan Malaysia
Negeri Perlis (JP Perlis)

Kelayakan Akademik

Sarjana Muda Sains (Kepujian) (Statistik), Universiti Teknologi MARA
Sarjana Sains Statistik, Universiti Kebangsaan Malaysia


Bilangan Anggota JP Perlis: 34 orang

Perjawatan

Secara keseluruhannya, pada tahun 2014 Jabatan Perangkaan Malaysia dibekalkan dengan 3,261 perjawatan merangkumi 1,180 perjawatan di ibu pejabat dan 2,081 perjawatan di peringkat JP Negeri. Bilangan pengisian anggota sehingga 31 Disember 2014 adalah pada kadar 91.9% di ibu pejabat dan 97.5% di peringkat JP Negeri. Ringkasan bilangan perjawatan dan pengisian adalah seperti berikut:

| Bil. | Kumpulan Perjawatan | Bilangan Jawatan | Bilangan Pengisian | Peratus Pengisian |
|---------------|-------------------------------|------------------|--------------------|-------------------|
| 1. | Kumpulan Pengurusan Tertinggi | 7 | 6 | 85.7 |
| 2. | Pengurusan dan Profesional | 397 | 367 | 92.4 |
| 3. | Kumpulan Sokongan 1 | 2,727 | 2,616 | 95.9 |
| 4. | Kumpulan Sokongan 2 | 130 | 126 | 96.9 |
| JUMLAH | | 3,261* | 3,115 | 95.8 |

* Termasuk 40 jawatan kumpulan



Bilangan dan kadar pengisian anggota mengikut jantina



PEREMPUAN

1,800 @ 58%

LELAKI

1,315 ORANG @ 42%


Kewangan

Jabatan Perangkaan Malaysia telah diperuntukkan Perbelanjaan Mengurus sebanyak RM198,147,000.00 bagi tahun 2014. Pecahan peruntukan mengikut kategori adalah seperti berikut:



Prestasi Perbelanjaan mengikut empat kategori utama iaitu Dasar Sedia Ada, Dasar Baru, One-Off dan Program Khusus sehingga 31 Disember 2014 adalah sebanyak 98.06%.

Prestasi Perbelanjaan Sehingga 31 Disember (AKB) 2014 adalah sebanyak 98.06%



Peruntukan bagi Projek Pembangunan yang diluluskan bagi Jabatan untuk tahun 2014 mengikut kategori adalah seperti berikut:

| Bil | Jenis Projek Pembangunan | Peruntukan (RM) | Perbelanjaan (RM) |
|---------------|--|----------------------|----------------------|
| 1. | Institut Latihan Statistik Malaysia Fasa 2 | 2,570,000.00 | 2,392,322.00 |
| 2. | Penyiasatan Pendapatan & Perbelanjaan Isi Rumah/Kemudahan Asas (HIES/BA) 2014/2015 | 33,771,202.00 | 33,223,326.45 |
| 3. | Projek Kajian Indeks Persepsi Integriti Nasional (IPIN) 2013 | 79,149.65 | 79,149.65 |
| 4. | Projek Kajian Indeks Persepsi Integriti Nasional (IPIN) 2014 | 1,121,838.50 | 1,093,555.37 |
| 5. | Projek NEWSS 2014 (Pengkomputeran Statistik 2014) | 9,440,000.00 | 9,439,517.75 |
| 6. | Kajian Knowledge Content In Key Economic Sector In Malaysia Phase III | 727,765.00 | 698,574.62 |
| 7. | Banci Perdagangan Edaran 2014 | 19,073,663.00 | 18,829,030.28 |
| JUMLAH | | 66,783,618.15 | 65,755,476.12 |

Jabatan sentiasa memastikan pengurusan kewangan adalah cekap dan berkesan terutama dalam perancangan perbelanjaan. Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun bertanggungjawab memantau perbelanjaan Jabatan bagi memastikan peruntukan yang diberi digunakan secara berhemah dan aktiviti dilaksanakan secara *value for money*.





Pencapaian Jabatan



Produk & Perkhidmatan

Pada tahun 2014, Jabatan telah menerbitkan **261 penerbitan** mengikut tempoh masa yang ditetapkan dalam *advanced release calendar*. Berikut adalah senarai penerbitan yang telah disebarluaskan oleh Jabatan sepanjang tahun 2014:

Penerbitan Bulanan

1. Perangkaan Perdagangan Luar Negeri
2. Indeks Perdagangan Luar Negeri
3. Ekonomi Malaysia Sepintas Lalu
4. Penunjuk Ekonomi Malaysia: Indeks Pelopor, Serentak & Susulan
5. Indeks Pengeluaran Perindustrian
6. Perangkaan Pembuatan Bulanan
7. Perangkaan Utama Tenaga Buruh Malaysia
8. Perangkaan Getah Bulanan, Malaysia
9. Indeks Harga Pengguna, Malaysia
10. Indeks Harga Pengeluar, Malaysia
11. Indeks Harga Import dan Eksport, Malaysia
12. Siaran Khas 1 – Untuk Kerja-kerja Kejuruteraan Awam, Semenanjung Malaysia
13. Siaran Khas 1 – Untuk Kerja-kerja Kejuruteraan Awam, Sabah dan Sarawak

14. Siaran Khas 2 – Untuk Kerja-kerja Pembinaan Bangunan dan Struktur, Semenanjung Malaysia
15. Siaran Khas 2 – Untuk Kerja-kerja Pembinaan Bangunan dan Struktur, Sabah dan Sarawak
16. Siaran Khas 3 – Untuk Kerja-kerja Mekanikal dan Elektrikal, Malaysia

Penerbitan Suku Tahunan

1. Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK)
2. Statistik Pembinaan Suku Tahunan
3. Laporan Imbalan Pembayaran Suku Tahunan
4. Indeks Perdagangan Edaran Suku Tahunan
5. Perangkaan Perdagangan Edaran Suku Tahunan
6. Statistik Kecenderungan Perniagaan

Penerbitan Tahunan

1. Perangkaan Muktamad Perdagangan Luar Negeri 2014
2. Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) 2013
3. Kedudukan Pelaburan Antarabangsa 2013
4. Laporan Pelaburan Langsung Asing Di Malaysia 2013 (Edaran Terhad)
5. Laporan Pelaburan Langsung Di Luar Negeri 2013 (Edaran Terhad)
6. Statistik Perdagangan Perkhidmatan Antarabangsa - ITS 2013
7. Keluaran Dalam Negeri Kasar (Mengikut Negeri) 2013
8. Keluaran Dalam Negeri Kasar (Kaedah Pendapatan) 2005-2013
9. Akaun Negara Perangkaan Perusahaan Kecil & Sederhana
10. Akaun Negara Perangkaan Pembentukan Modal Tetap Kasar 2013



11. Akaun Negara Perangkaan Stok Modal 2013
12. Akaun Satelit Pelancongan
13. Akaun Satelit Teknologi Maklumat & Komunikasi 2005-2013
14. Akaun Pengagihan & Penggunaan Pendapatan dan Akaun Modal
15. Perangkaan Petroleum dan Gas Asli 2013
16. Perangkaan Perkhidmatan - Hartanah 2013
17. Perangkaan Perkhidmatan - Profesional 2013
18. Perangkaan Perkhidmatan - Pentadbiran dan Sokongan 2013
19. Perangkaan Perkhidmatan - Makanan dan Minuman 2013
20. Perangkaan Perkhidmatan - Kesenian, Hiburan dan Rekreasi 2013
21. Perangkaan Perkhidmatan - Maklumat dan Komunikasi 2013
22. Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh Malaysia, 2013
23. Laporan Penyiasatan Migrasi Malaysia, 2013
24. Laporan Penyiasatan Gaji & Upah Malaysia, 2013
25. Laporan Penyiasatan Guna Tenaga Sektor Informal Malaysia, 2013
26. Buletin Perangkaan Sosial, Malaysia, 2014
27. Data Siri Masa Penyiasatan Tenaga Buruh, 1982 – 2013
28. Indikator Pertanian Terpilih, Malaysia, 2014
29. Akaun Pembekalan dan Penggunaan Komoditi Pertanian Terpilih, Malaysia, 2009-2013
30. Kompendium Perangkaan Alam Sekitar, Malaysia, 2014
31. Laporan Penyiasatan Perbelanjaan Perlindungan Alam Sekitar, Malaysia, 2013
32. Jadual Hayat Ringkas, Malaysia, 2011-2014
33. Population Quick Info
34. Buku Maklumat Perangkaan, Malaysia 2013
35. Buku Tahunan Perangkaan, 2014



Penerbitan Dwi Tahunan

1. Matriks Perakaunan Sosial
2. Laporan Penyiasatan Industri Pembuatan
3. Laporan Penyiasatan Bekalan Elektrik, Gas, Wap Dan Pendinginan Udara
4. Laporan Penyiasatan Industri Pembinaan
5. Perangkaan Ekonomi Malaysia - Siri Masa 2013
6. Laporan Penyiasatan Penggunaan dan Capaian ICT oleh Individu dan Ibu Rumah, 2013

Penerbitan Setiap 5 Tahun

1. Jadual Input-Output Malaysia, 2010

Penerbitan Setiap 10 Tahun

1. Ciri-ciri Ekonomi Penduduk
2. Ciri-ciri Isi Rumah
3. Migrasi dan Taburan Penduduk

Produk Baharu

Keluaran Dalam Negeri Kasar Kaedah Pendapatan 2005-2013


Penerbitan ini melaporkan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) bagi Kaedah Pendapatan. Statistik ini menjadi rujukan penting dalam mengukur ekonomi dari perspektif pendapatan yang diterima oleh faktor pengeluaran dalam bentuk Pampasan Pekerja dan Lebihan Kendalian Kasar.

Statistik ini menyediakan input kepada kerajaan bagi merancang pembangunan dan penggubalan dasar berkaitan pendapatan. Statistik ini juga akan menjadi sumber rujukan kepada penyelidik, ahli akademik, komuniti perniagaan dan pengguna lain untuk menganalisis pendapatan yang diterima oleh pekerja dan majikan.

Penerbitan ini memberikan maklumat ekonomi dari perspektif pendapatan bagi tahun 2005 hingga 2013 mengikut jenis aktiviti ekonomi pada harga semasa.

Penyusunan sumbangan KDNK Kaedah Pendapatan ini adalah berdasarkan konsep yang disarankan oleh Sistem Akaun Negara 1993 dan 2008, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Buat pertama kalinya pada 21 Julai 2014, penerbitan ini telah diedarkan kepada umum dan akan diterbitkan secara tahunan.



Akaun Satelit Teknologi Maklumat dan Komunikasi

Penerbitan ini membentangkan statistik berkaitan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) di Malaysia bagi tempoh 2005 hingga 2013 pada harga semasa. Statistik ini digunakan untuk pemantauan prestasi sektor TMK dan sebagai panduan bagi membuat keputusan dalam pembentukan dasar berkaitan TMK.

Statistik ini menyediakan maklumat mengenai sumbangan industri TMK kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar, penawaran dan penggunaan TMK, pendapatan dan guna tenaga dalam industri TMK. Selain itu, penerbitan ini turut menyediakan statistik berkaitan e-Dagang.

Penyusunan statistik ini berdasarkan manual *OECD Guide to Measuring Information Society 2011* dan *Internet Economy Outlook 2012* serta selaras dengan piawaian yang ditetapkan oleh *System of National Account 2008*.

Akaun Satelit Teknologi Maklumat dan Komunikasi ini buat pertama kali diterbitkan sebagai edaran umum pada 1 Disember 2014 dan penerbitan seterusnya akan dibuat secara tahunan.



Rundingan Teknikal Kepada Agensi

Jabatan turut memberi perkhidmatan nasihat/rundingan teknikal kepada agensi yang memerlukan khidmat tersebut terutama yang melibatkan reka bentuk pensampelan, soal selidik dan penganalisisan data dalam perancangan pengumpulan data oleh agensi yang berminat. Rundingan yang telah diadakan pada tahun 2014 adalah seperti berikut:

| Bil. | Rundingan Teknikal | Tarikh & Tempat |
|------|--|---|
| 1. | Kajian Isu Buruh Paksa di Sektor Sawit Malaysia | 10 Januari 2014 Kem. Perusahaan, Perladangan dan Komoditi |
| 2. | <i>Kajian Youth in Marginalised Community: Towards Regenerating Youth Development</i> | 20 Januari 2014 Kementerian Belia dan Sukan |
| 3. | Kajian Indeks Belia Malaysia 2015 | 20 Januari 2014 Kementerian Belia dan Sukan |
| 4. | <i>Kajian Risk and Protective Factors Affecting Adolescent Sexual & Reproductive Health in Sabah and Sarawak</i> | 6 Februari 2014 Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara |
| 5. | <i>Kajian Willingness to Pay for Hepatitis B Vaccine in Malaysia</i> | 11 Februari 2014 Universiti Pertanian Malaysia |
| 6. | <i>Health Related Quality on Life of Orang Asli and General Population in Kuala Langat, Selangor and It's Determination Factors: A Cross Sectional Study</i> | 11 Februari 2014 Universiti Islam Antarabangsa |
| 7. | Sesi Perbincangan Mengenai Kaedah Penetapan Perkiraan Scorecard YB Menteri Kewangan II | 13 Februari 2014 Bahagian Strategi Korporat dan Komunikasi, Perbendaharaan Malaysia |
| 8. | Kajian Kepatuhan Jurutera dalam Amalan Etika Kejuruteraan | 27 Februari 2014 Universiti Teknikal Melaka |
| 9. | <i>Global Entreprenuership Monitor: Adult Population Survey 2014</i> | 6 Mac 2014 Rehan Stats Sdn. Bhd |
| 10. | <i>Kajian Evaluations of Less Developed States Towards Becoming High Income Nation</i> | 13 Mac 2014 Universiti Malaysia Terengganu |
| 11. | <i>Kajian Developing an Exploratory Model of Self Regulating Driving Practices Among Older Malaysians Driver</i> | 19 Mac 2014 Universiti Pertanian Malaysia |
| 12. | <i>Youth Intervention Study: Good Practices of Youth Intervention Programme in Malaysia</i> | 21 April 2014 Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara |
| 13. | Kajian Keberkesanan Projek yang Dibangunkan oleh BLT Sdn. Bhd. | 30 April 2014 Kementerian Dalam Negeri |
| 14. | Analisis Data Kajian Penyelidikan dan Pembangunan 2013 | 2 Mei 2014 Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi |
| 15. | Kajian Penswastaan Lebuhraya Sungai Besi-Ulu Kelang dan Lebuhraya Damansara-Shah Alam | 16 Mei 2014 Kementerian Kerja Raya Malaysia |
| 16. | Mesyuarat Bagi Membincangkan Sumbangan Eksport kepada Ekonomi Negara | 3 Julai 2014 Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri |

| Bil. | Rundingan Teknikal | Tarikh & Tempat |
|------|--|---|
| 17. | Khidmat Nasihat: Mengenalpasti Kod Herba dalam Malaysia <i>Classification of Products by Activity</i> (2009) | 11 Julai 2014 Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia |
| 18. | Khidmat Nasihat: Carian MSIC 2008 Untuk MyGST | 18 Julai 2014 Jabatan Kastam Di Raja Malaysia |
| 19. | Kajian <i>National Health and Morbidity</i> | 4 Ogos 2014 Kementerian Kesihatan Malaysia |
| 20. | Kajian <i>Measuring Social Economic Mobility in Malaysia: An Analysis of Intergenerational Transmission of Disadvantage and Inheritance of Poverty</i> | 14 Ogos 2014 Universiti Utara Malaysia |
| 21. | Cadangan Penswastaan Putrajaya - Bangi Expressway | 15 Ogos 2014 Kementerian Kerja Raya Malaysia |
| 22. | <i>Digital Malaysia - Measuring Nations Productivity</i> | 12 September 2014 Multimedia Development Corporation, Cyberjaya |
| 23. | Pengenalan, pengukuran dan analisis jaringan antara industri berdasarkan Jadual Input-Output | 19 September 2014 30 September 2014 Perbadanan Produktiviti Malaysia |
| 24. | Analisis berdasarkan Jadual Input-Output | 23 Sept. 2014 Perbadanan Kemajuan Negeri Perak Group |
| 25. | Jadual Input-Output Malaysia, 2010 | 20 Oktober 2014 Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) |
| 26. | Kajian Sosial Mobility | 3 November 2014 Institut Khazanah |
| 27. | <i>Discussion on Tourism Economic Impact in Malaysia with Frost & Sullivan</i> | 5 Disember 2014 Bahagian Korporat dan Khidmat Pengguna, Jabatan Perangkaan Malaysia |
| 28. | <i>Study on the Effectiveness of Visit Malaysia Year 2014 Campaign with PricewaterhouseCoopers (PwC)</i> | 11 Disember 2014 Bahagian Perangkaan Akaun Negara, Jabatan Perangkaan Malaysia |
| 29. | Perbincangan Data Ekonomi dan Pengiraan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) oleh Sektor Minyak & Gas | 19 Disember 2014 Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri |

Sumbangan Kepakaran (Tenaga Pengajar)

Jemputan sebagai penceramah telah diterima oleh Jabatan untuk memberi taklimat berkaitan subjek teknikal dan statistik kepada agensi kerajaan lain serta pihak swasta. Program yang terlibat adalah seperti berikut:

| Bil. | Program | Tarikh & Tempat | Sumbangan kepakaran |
|------|---|--|---|
| 1. | Taklimat Akaun Satelit Pelancongan (TSA) 2005-2012 Taklimat ini bertujuan memberi penerangan mengenai konsep, metodologi penyusunan dan hasil penemuan indikator dalam TSA terutamanya Gross Value Added of Tourism Industries dan Tourism Direct Gross Domestic Product. | 23 Januari 2014 Kem. Perdagangan Antarabangsa dan Industri | <ul style="list-style-type: none"> • Puan Zubaidah binti Ismail • Puan Mazreha binti Ya'akub • Puan Fauziah Hanim binti Baharin • Puan K. Megala a/p Kumarran |
| 2. | Mesyuarat Majlis Ekonomi Bil. 8/2014 - KDNK Mengikut Kaedah Pendapatan 2005-2012 | 17 Mac 2014 Pejabat Perdana Menteri, Putrajaya | YBhg. Datuk Dr. Abdul Rahman bin Hasan |
| 3. | Kursus Metodologi Pensampelan | 25-26 Ogos 2014 Kumpulan Wang Simpanan Pekerja | <ul style="list-style-type: none"> • Puan Siti Haslinda binti Mohd Din • Puan Hartini binti Yaacob |
| 4. | Bengkel Dalamran Perangkaan Akaun Negara KDNK Topik yang dibentangkan adalah penyusunan KDNK mengikut tiga kaedah iaitu Pengeluaran, Perbelanjaan dan Pendapatan. | 28 Ogos 2014 SME Corp. Kuala Lumpur | <ul style="list-style-type: none"> • Encik Fazrul Azlan bin Othman • Cik Kanageswary a/p Ramasamy • Puan Noraliza binti Mohamad Ali |
| 5. | Taklimat Berkaitan Pembentangan Data Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) mengikut Negeri 2013 Taklimat ini bertujuan memberi penerangan berkaitan kaedah penyusunan KDNK mengikut negeri dan prestasi ekonomi negeri Terengganu bagi tahun 2013. | 16 September 2014 Prinzpark Resort, Kuala Terengganu. Unit Perancang Ekonomi Negeri, Terengganu | Bahagian Perangkaan Akaun Negara |
| 6. | Kursus Malaysia Standard Industrial Classification (MSIC) | 17-18 September 2014 Jabatan Kastam Di Raja Malaysia, Putrajaya | Puan Che Norma binti Murad |
| 7. | Kursus Malaysia Standard Industrial Classification (MSIC) | 9 Oktober 2014 Pembangunan Sumber Manusia Berhad, Kementerian Sumber Manusia | Puan Che Norma binti Murad |
| 8. | Kursus Metodologi Pensampelan | 27-28 Oktober 2014 Lembaga Pembangunan Langkawi | <ul style="list-style-type: none"> • Puan Siti Haslinda binti Mohd Din • Puan Hartini binti Yaacob |
| 9. | Kursus Teknik Pensampelan | 11-12 November 2014 Akademi Audit Negara | <ul style="list-style-type: none"> • Puan Siti Haslinda binti Mohd Din • Puan Hartini binti Yaacob • Puan Hasnah binti Mat |

Keahlian dalam Jawatankuasa Anjuran Agensi Lain

Jabatan juga telah menerima jemputan untuk menyertai keahlian dalam jawatankuasa anjuran agensi kerajaan lain bagi memberi khidmat nasihat / rundingan teknikal terutama yang melibatkan reka bentuk pensampelan, soal selidik dan penganalisisan data. Jawatankuasa yang terlibat adalah seperti berikut:

| Bil. | Jawatankuasa | Objektif |
|------|--|---|
| 1. | Jawatankuasa <i>Government Finance Statistics</i> | Bertanggungjawab menyediakan input kepada Kementerian Kewangan Malaysia bagi melancarkan pelaksanaan migrasi <i>Government Finance Statistics Manual</i> 1986 kepada 2001. |
| 2. | <i>Investment Committee Meeting</i> | Memantau prestasi pelaburan Malaysia secara berkala yang melibatkan Jabatan Perangkaan dan agensi-agensi luar. |
| 3. | Jawatankuasa <i>Inter Agency Planning Group (IAPG)</i> bagi data KDNK | Membentangkan pencapaian ekonomi Malaysia iaitu KDNK secara Suku Tahunan dan Tahunan bagi kaedah Pengeluaran dan Perbelanjaan. |
| 4. | Jawatankuasa Teknikal bersama Bank Negara Malaysia | Penubuhan Jawatankuasa ini adalah selaras dengan MoU antara Jabatan Perangkaan dengan BNM. Jawatankuasa bertanggungjawab melaksanakan bidang kerjasama di bawah MoU termasuk perkongsian data. |
| 5. | Mesyuarat Penubuhan Jawatankuasa Bersama antara MPC dan DOSM | Menyelaras keperluan MPC dalam membangunkan pengiraan produktiviti berdasarkan kaedah KLEMS. |
| 6. | Jawatankuasa Pemandu Akaun Satelit ICT | Sebagai kumpulan kerja pelaksanaan penyusunan Akaun Satelit ICT di bawah Pelan Induk Digital Malaysia bagi menyediakan suatu kaedah pengumpulan dan pengukuran maklumat mengenai ICT dan e-dagang menggunakan konsep, definisi dan kaedah yang konsisten secara seragam dan menyeluruh. |
| 7. | Jawatankuasa Pemandu Digital Malaysia | Bertanggungjawab memberi input kepada Jawatankuasa dalam menetapkan hala tuju pelaksanaan program Digital Malaysia melalui penyusunan Akaun Satelit ICT. |
| 8. | Jawatankuasa Pemandu Pelaksanaan Akaun Satelit Pelancongan | Memperakui dan mengesahkan statistik Akaun Satelit Pelancongan sebelum disebarluaskan kepada umum. |
| 9. | <i>Malaysia External Trade Statistics Press Release Committee Meeting</i> | Membincangkan prestasi perdagangan luar negeri Malaysia. |
| 10. | <i>IMT-GT Trade, Investment and Tourism Database (ITTD) Task Force Meeting</i> | Membangunkan pangkalan data bagi data perdagangan, pelancongan dan pelaburan bagi wilayah Indonesia, Malaysia dan Thailand <i>Growth Triangle</i> . |
| 11. | <i>The Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia-The Philippines East ASEAN Growth Area (BIMP-EAGA)</i> | BIMP-EAGA telah dilancarkan pada tahun 1994 sebagai inisiatif kerjasama oleh empat negara untuk merapatkan jurang pembangunan di dalam dan antara negara anggota EAGA serta di seluruh negara anggota ASEAN-6. |
| 12. | Jawatankuasa Teknikal Projek uCustoms, Jabatan Kastam Diraja Malaysia | Membangunkan sistem pengikrarann perkastaman yang baru iaitu uCustoms bagi menggantikan Sistem Maklumat Kastam sedia ada. |
| 13. | Jawatankuasa Pemandu Projek <i>Halal Data Warehouse</i> , Halal Industry Development Corporation (HDC) | Membangunkan gudang data bagi data berkaitan industri halal. |
| 14. | Jawatankuasa Fasilitasi Kargo KLIA dan Pulau Pinang | Membincangkan isu-isu berkaitan fasilitasi kargo di Zon Bebas KLIA dan Pulau Pinang seperti prosedur perkastaman/zon bebas, keselamatan dan fasiliti. |
| 15. | Jawatankuasa Teknikal Penetapan Kuota Import HCFC dan Kelulusan AP | Membincangkan penetapan kuota import HCFC dan prosedur pengeluaran permit kelulusan (AP). |

Inovasi & Penambahbaikan ICT

Perluasan NEWSS Fasa III

Jabatan telah melaksanakan perluasan NEWSS Fasa III bermula Februari 2014. Tujuan utama NEWSS Fasa III adalah untuk memperkemas dan memantapkan pelaksanaan NEWSS bagi memenuhi perubahan *Business Process* Jabatan.

Modul-modul yang terlibat adalah seperti berikut:

- Modul Pengurusan Rangka Pertubuhan;

- Modul Pengurusan Profil Pengguna;
- Migrasi Sistem kepada versi perisian Server dan Pangkalan Data Baru (RedHat Linux, Weblogic dan Oracle DB 11r2); dan
- Penyelenggaraan Aplikasi NEWSS Fasa I.

Project Kick Off telah diadakan pada 26 Ogos 2014 dan tempoh pelaksanaan adalah selama 15 bulan dan dijangka berakhir pada 25 November 2015.

The screenshot shows the homepage of the National Enterprise-Wide Statistical Systems (NEWSS). The top navigation bar includes links for ISF, Business Intelligence, GIS, Penilaian, Pengurusan Dokumen, and KMS. The user is logged in as Nurul Elita bt. Ahmad, dated Rabu, 22 April 2015. The main content area displays a welcome message "Selamat Datang ke Sistem NEWSS". On the left, there's a sidebar menu with categories like Laman Utama, Direktori Saya, Pra-Pengumpulan Data, Pengumpulan Data, Prosesan Data, Penyebaran, Pensampelan, Rangka Pertubuhan / Enterpis, Rangka Isl Rumah, Laporan, Pengurusan Pengetahuan, and Pendakwaan. The central part of the screen shows two main sections: "Direktori Saya" and "Penyiasatan Untuk Tahun Terkini". "Direktori Saya" lists Tugasan (0 pending, 1 pending), Tugasan Kumpulan (0 pending, 1 pending), and Kandungan (0 pending). "Penyiasatan Untuk Tahun Terkini" shows counts for Lewat (0), Dalam Proses (30), Selesai (0), Telan Dirancang (0), and Jumlah (30). Below these are five numbered boxes labeled 1 through 5, each representing a process: 1. Pra-Pengumpulan Data (described as preparing samples and specifying sampling parameters), 2. Pengumpulan Data (described as collecting samples and processing data), 3. Prosesan Data (described as processing data in batches or large volumes and summarizing data), 4. Analisis & Laporan (described as analyzing data and generating reports), and 5. Penyebaran (described as disseminating information and sharing reports with partners).

Modul Pengurusan Pengguna NEWSS

This screenshot shows the "Kategori Pengguna" (User Category) and "Pilihan Pemberitahuan" (Notification Options) sections of the User Management module. In the "Kategori Pengguna" section, categories include Pegawai (checked), Penyelia, and Pegawai Kerja Luar. A note states that selecting a category will automatically add the user to that category. In the "Pilihan Pemberitahuan" section, options include E-mail (unchecked) and Pemberitahuan (checked). A note explains that selecting Pemberitahuan allows users to receive notifications via email. Below these sections is a table titled "Maklumat Organisasi Unit & Kumpulan Pengguna" (Organization Unit & User Group Information). The table has three columns: "Nama Unit Organisasi" (Organization Unit Name), "Kumpulan Pengguna" (User Group), and "Peranan Pengguna" (User Role). The "Nama Unit Organisasi" column lists "Bahagian Pengurusan Maklumat". The "Kumpulan Pengguna" column lists various roles such as Pentadbir Sistem BI, Pengguna Sistem BI, Pengurus CCC, Pencipta CCC, Pengelipot CCC, Pembaca CCC, Pengguna Laporan CCC, Pencipta Permohonan Kod Baru, Pembaca Permohonan Kod Baru, Pentadbir Repozitori Pusat, Pentadbir Repozitori Pusat (Penerbitan), Pembaca Repozitori Pusat, Pengguna Sistem DMS, Pengguna Laporan Pengumpulan Data Enterpis/Pertubuhan, Pengguna Laporan Pengumpulan Data Isiumah, Pembaca Hubungi Kami, Peserta Forum, Pembaca Forum, Penguruh Pertubuhan Perniagaan Bahagian Metodologi, Pembaca Pertubuhan Perniagaan Bahagian Metodologi, and Penguruh Pertubuhan Perniagaan JP Negeri. The "Peranan Pengguna" column lists corresponding roles for each group.

Skrin Kumpulan Pengguna Selepas Penambahbaikan

Pemantapan Infrastruktur Server Dan Storan NEWSS

Jabatan telah melaksanakan pemantapan infrastruktur server dan storan untuk menampung peningkatan bilangan pengguna, pertambahan data banci/penyiasatan dan penambahbaikan sistem, sesuai dengan perubahan *Business Process* Jabatan.

Sebanyak sembilan unit server baru berkapasiti tinggi yang terdiri daripada dua server pangkalan data, dua server aplikasi dan lima host server telah disediakan untuk pelaksanaan *server virtualization*. Kesemua aplikasi NEWSS sedia ada akan beroperasi dalam platform sistem pengoperasian server Redhat Enterprise Linux 6, pangkalan data Oracle versi 11gR2 dan WebLogic 11gR1 yang lebih stabil.



Server NEWSS di MyLoca, Cyberjaya



Pengukuhan Infrastruktur ICT JP Negeri

Infrastruktur ICT JP Negeri telah diperkuuhkan melalui perolehan sembilan unit server, 13 unit storan dan 13 unit *backup appliance*. Kesemua konfigurasi awal peralatan dan perisian telah dilaksanakan di lokasi *staging* Ibu Pejabat.



Peralatan *backup* untuk JP Negeri



Peralatan Storan JP Negeri



Storage Area Network (SAN) Ibu Pejabat

Census of Distributive Trade (CDT) 2014

Sistem Census of Distributive Trade (CDT) 2014 dibangunkan secara dalaman untuk mengumpul dan memproses data sektor perdagangan edaran (borong, runcit dan kenderaan bermotor) yang menjadi penanda aras bagi pengasasan semula Indeks Perdagangan

Edaran dan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK). Jumlah pertubuhan yang terlibat adalah sebanyak 500,000 pertubuhan.

Pendekatan prosesan data Sistem CDT 2014 secara berpusat telah berjaya menjimatkan masa, mengurangkan aliran kerja prosesan dan memudahkan pemantauan status data bersih oleh Ibu Pejabat.



Skrin Utama Sistem CDT



Skrin Laporan

Pemodenan Pungutan Data: Computer Assisted Personal Interview

Pelaksanaan Computer Assisted Personal Interview (CAPI) menggunakan Personal Data Assistant (PDA) dan tablet di JP Selangor telah berjaya memodenkan proses pungutan data harga pengguna di Pusat Pungutan Harga.

Impak daripada pemodenan pelaksanaan ini telah memudahkan semakan data *outlier* dan meningkatkan kualiti data yang dipungut melalui fungsi perbandingan harga yang disediakan dalam sistem CAPI. Di samping itu, pelaksanaan ini juga dapat menjimatkan masa dan kos prosesan tanpa perlu melakukan tangkapan data semula ke dalam sistem. Data yang dipungut terus dimuat naik dalam pangkalan data prosesan.

Sehubungan dengan kejayaan ini, Jabatan akan memperluaskan pelaksanaannya ke JP WPKL, JP Johor, JP Perak dan JP Pulau Pinang.




Pelaksanaan CATI menggunakan Tablet

Penyebaran Data Atas Talian: Perangkaan Perdagangan Luar Negeri Malaysia

Jabatan sentiasa melaksanakan inisiatif untuk meningkatkan kaedah penyebaran data atas talian. Perangkaan Perdagangan Luar Negeri Malaysia Atas Talian (METS Online) dibangunkan untuk membekalkan pengguna dengan perangkaan perdagangan luar negeri antara Malaysia dengan negara lain. METS Online mempunyai ciri-ciri interaktif dan dilengkapi dengan maklumat yang terperinci sehingga *Harmonized System (HS)* 6-digit dan *Standard International Trade Classification (SITC)* 5-digit.

Outcome daripada sistem ini, pengguna berupaya menjana pelbagai laporan multidimensi melalui pilihan parameter yang disediakan dalam format MS Excel.

Aplikasi METS Versi 2 telah berjaya dilancarkan pada 15 September 2014 di laman sesawang Jabatan. Ia dapat membekalkan pengguna dengan statistik perdagangan dalam bentuk interaktif di mana data yang lebih terperinci dapat dijana (sehingga HS 6 digit/SITC 5 digit) berbanding dengan aplikasi METS Versi 1 sebelum ini. Data siri masa yang tersedia dalam METS Versi 2 bermula dari tahun 2000 berbanding METS Versi 1 bermula tahun 2006.



Skrin Utama METS Online

| PRODUCT CODE | DESCRIPTION | JAN | FEB | MAR | APR | MAY | JUN | PERIOD | |
|--------------|----------------|---------|---------|---------|---------|---------|---------|---------|---------|
| | | | | | | | | 2010 | 2011 |
| HS | HS CODE ASIA | 100,000 | 110,000 | 115,000 | 120,000 | 125,000 | 130,000 | 130,000 | 135,000 |
| SITC | SITC CODE ASIA | 100,000 | 105,000 | 108,000 | 110,000 | 112,000 | 115,000 | 118,000 | 120,000 |
| PTC | PTC CODE ASIA | 100,000 | 105,000 | 108,000 | 110,000 | 112,000 | 115,000 | 118,000 | 120,000 |
| SLC | SLC CODE ASIA | 200,000 | 210,000 | 220,000 | 230,000 | 240,000 | 250,000 | 260,000 | 270,000 |
| SLC | SLC CODE ASIA | 200,000 | 210,000 | 220,000 | 230,000 | 240,000 | 250,000 | 260,000 | 270,000 |
| SLC | SLC CODE ASIA | 200,000 | 210,000 | 220,000 | 230,000 | 240,000 | 250,000 | 260,000 | 270,000 |
| SLC | SLC CODE ASIA | 200,000 | 210,000 | 220,000 | 230,000 | 240,000 | 250,000 | 260,000 | 270,000 |

Skrin Laporan Carian Product Code Imports 2014

Portal Rasmi Jabatan

Transformasi pembangunan Portal Rasmi Jabatan yang baru memberi tumpuan kepada kaedah penyebaran data yang lebih moden, dinamik, menarik dan mesra pengguna. Ia menepati *trend* baru penyebaran statistik antarabangsa dalam bentuk yang lebih mudah difahami oleh pelbagai peringkat pengguna.

Konsep portal baru yang dibangunkan ini memberi fokus kepada ciri-ciri yang lebih mesra statistik melalui data *visualization*. Persembahan data statistik kepada pengguna lebih interaktif melalui gabungan grafik dan data supaya ia lebih mudah difahami pengguna.



Portal Rasmi Jabatan



Skrin Utama Sistem HIES



Skrin Modul Tangkapan Data HIS

Sistem Penyiasatan Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas

Sistem Penyiasatan Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIES) 2014/2015 telah mula dibangunkan pada 2013. Sistem ini mengandungi Modul Tangkapan Data HIS, Modul Tangkapan Data HES, Modul Validasi HIS, Modul Laporan Awalan dan Modul Penyelia.

HIES dibangunkan dengan menggunakan bahasa pengaturcaraan VB.net dan VB6 serta pangkalan data Ms SQL Server 2008 R2. Sistem ini digunakan di semua JP Negeri bermula pada Januari sehingga Disember 2014.


Data diekstraks dari pangkalan data negeri ke pangkalan data pusat pada setiap bulan sepanjang penyiasatan dijalankan. Data yang telah dikumpul selama 12 bulan akan diproses dan dianalisis oleh Bahagian Butiran Perkara.

Pemantapan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) ISO/IEC 27001:2013

Pelaksanaan ISMS ini telah mewujudkan sistem penyampaian yang mematuhi peraturan dan standard antarabangsa bagi memastikan integriti dan keselamatan data dilindungi. Di samping itu, pelaksanaan ini dapat meningkatkan keyakinan pengguna yang berurusan dengan Jabatan.

Jabatan telah berjaya mengekalkan pensijilan Pengurusan Sistem Keselamatan Maklumat (*Information Security Management System-ISMS*) MS ISO/IEC 27001:2007 pada tahun 2014.

Jabatan juga telah meningkatkan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat dengan menggunakan standard baru versi 2013, iaitu ISMS ISO/IEC 27001:2013 menggantikan MS ISMS ISO/IEC 27001:2007. Bagi memenuhi keperluan pensijilan mengikut standard ISMS ISO/IEC 27001:2013, Jabatan telah mengemas kini semua prosedur kerja mengikut keperluan standard baru.



Skrin Utama Sistem Pengurusan ISMS Jabatan

JP Johor Galak Anggota Pertingkat Inovasi Dan Kreativiti

Bagi menyahut saranan YAB Perdana Menteri, JP Johor telah menganjurkan sambutan Hari Inovasi pada 18 Disember 2014. Majlis tersebut telah dihadiri seramai 220 anggota dari seluruh JP Johor. Acara kemuncak adalah Pertandingan Inovasi dan Kreativiti 2014 yang disertai oleh semua Seksyen dan Pejabat Operasi. Persaingan sengit menyaksikan sembilan idea inovasi telah dipertandingkan iaitu:

 "Mempercepatkan Pengisian Data dalam Soal Selidik Ekonomi" oleh Seksyen Industri

 "Rak Penyimpanan Borang MDT Bersistematis" oleh Seksyen Prosesan dan Analisis

 "QR ID" oleh Pejabat Operasi Kluang

 "Sistem Pemantauan Laporan Harian & Tuntutan Perjalanan Secara Automatik (ACDR)" oleh Seksyen Isirumah

 "Kawalan Menggunakan Web Base XAMPP untuk CDT" oleh Pejabat Operasi Muar

 "Penyelesaian Pengisian PHP S-012: Pengesahan Bilangan Sebutharga" oleh Seksyen Harga

 "Channel Korporat JP Johor" oleh Seksyen Rangka dan Pemetaan

 "Pengurusan Rekod Aset yang Sistematik" oleh Seksyen Perkhidmatan

 "Pengurusan Fail Kurang Efisen" oleh Seksyen Khidmat Pengurusan



Tempat kedua

Kumpulan Maharani dari Pejabat Operasi Muar (RM300 dan hadiah iringan)

Tempat ketiga

Kumpulan Eicosa dari Seksyen Rangka dan Pemetaan (RM200 dan hadiah iringan)

Johan Kumpulan Graviti dari Seksyen Harga (RM500 dan hadiah iringan)

Program sebegini dapat menyuntik semangat semua anggota JP Johor untuk meningkatkan usaha dan lebih kreatif ke arah menjayakan visi, misi dan objektif Jabatan. Semoga kreativiti dan inovasi menjadi budaya kerja semua anggota ke arah menambah nilai kualiti penjawat awam di Jabatan ini.



Anugerah Dan Pencapaian

Pengiktirafan terhadap sesuatu bidang memberi impak yang besar khususnya keberhasilan sesuatu organisasi mencapai tahap yang terbaik dan berkualiti tinggi. Jabatan Perangkaan Malaysia telah menyertai pelbagai program termasuk yang dianjurkan oleh Jabatan Perdana Menteri bagi mengiktiraf usaha warga Jabatan bagi merealisasikan hasrat kecemerlangan dan budaya inovasi di Jabatan.

Jabatan Perdana Menteri telah menganjurkan **Hari Inovasi dan Kecemerlangan Jabatan Perdana Menteri Tahun 2014** dengan tema

“Menyemarak Inovasi, Merealisasi Transformasi” pada 29 Oktober 2014 bertempat di Dewan D, MAEPS, Serdang. Majlis ini telah disempurnakan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Dato’ Hajji Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin. Program ini bertujuan untuk memberikan pengiktirafan kepada Jabatan/ Agensi dan juga individu yang telah menunjukkan kecemerlangan dalam pembudayaan inovasi, pengurusan organisasi, sukan dan sosial. Jabatan telah mendapat pengiktirafan melalui beberapa anugerah, iaitu:



NAIB JOHAN KONVENSYEN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK) JP 2014

Kumpulan Q-Stats dari Jabatan Perangkaan Negeri Sarawak telah berjaya sebagai Naib Johan dalam Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) peringkat Jabatan Perdana Menteri (JPM) 2014 yang diadakan selama dua hari pada 24 dan 25 Jun 2014.

Kumpulan ini dianggotai oleh Cik Shaliza Mohd Hasli @ Bob (Ketua), Encik Lee Yun Ming, Puan Lim Chai Hong, Puan Suzilawaty Apong, Puan Nurazlina Kawi, Encik Roszaiman Rosdi, Cik Nor Shahniza Kamarshah, Puan Malia Piee dan Cik Dayang Salwati Abang Jumali.



Projek KIK yang dipertandingkan bertajuk "Kesukaran Dalam Menyediakan Data Petunjuk Ekonomi Negeri Sarawak". Melalui projek ini, Q-Stats telah membangunkan satu sistem dikenali sebagai eZ-trace. Projek ini dijalankan bertujuan untuk mempercepatkan dan memudahkan penyediaan data petunjuk ekonomi Negeri Sarawak berikutan terdapatnya masalah kawalan borang yang tidak

sistematis dari tujuh Pejabat Operasi dan Seksyen Operasi di Kuching.

Antara ciri-ciri sistem eZ-trace adalah penggunaan yang efisien dan efektif, ketersediaan jadual dan mesra pengguna. Pembangunan sistem ini telah dapat menjimatkan kos dan masa serta meningkatkan kepuasan pelanggan dan produktiviti Jabatan.



PEMENANG PERTANDINGAN MONTAJ HARI INOVASI DAN KECEMERLANGAN JABATAN PERDANA MENTERI TAHUN 2014

- Encik Mohd Arizan bin Ali, Bahagian Pengurusan Maklumat
- Cik Rosfidayu bin Ramli, Bahagian Pengurusan Maklumat
- Encik Muhammad bin Ramli, Bahagian Pengurusan Maklumat



PENERIMA PINGAT PERKHIDMATAN CEMERLANG

- Puan Zarina binti Hamid, JP Pulau Pinang
- Encik Abu Bakar bin Md Sudi, JP Melaka
- Encik Mahat bin Abu, Bahagian Metodologi dan Penyelidikan



Selain itu, Jabatan turut menjadi finalis bagi anugerah berikut:

FINALIS ANUGERAH INOVASI JABATAN PERDANA MENTERI 2013

Kategori : Anugerah Gangsa Non ICT

Tajuk Projek : e-Services: Transformasi Penyebaran Statistik Untuk Pemantapan Pengetahuan

Penyertaan : Bahagian Korporat dan Khidmat Pengguna



| | |
|---|--|
|  DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA <i>Statistik Negara</i> |   |
| <hr/> | |
| <p>My Account</p> <p>Profile</p> <ul style="list-style-type: none"> Basic Profile Personal Profile Address Book <p>Personal Information</p> <ul style="list-style-type: none"> Personal Information Address Book Bank Details Credit Card Other Details <p>My Preferences</p> <ul style="list-style-type: none"> Email Preferences SMS Preferences Push Notifications <p>My Applications</p> <ul style="list-style-type: none"> My Applications My Requests My Approvals <p>My Payments</p> <ul style="list-style-type: none"> My Payments My Refunds My Cancellations <p>My Support</p> <ul style="list-style-type: none"> My Tickets My Requests My Approvals <p>Logout</p> | <p>My Account</p> <p>Log in to your account to view and manage your personal information.</p> <p>Basic Profile</p> <p>View or edit your basic profile information.</p> <p>Personal Information</p> <p>View or edit your personal information, including address book and bank details.</p> <p>My Preferences</p> <p>Manage your email, SMS, and push notification preferences.</p> <p>My Applications</p> <p>View and manage your applications, requests, and approvals.</p> <p>My Payments</p> <p>View and manage your payments, refunds, and cancellations.</p> <p>My Support</p> <p>View and manage your support tickets, requests, and approvals.</p> |



FINALIS KONVENTSYEN KIK JPM 2014

Kategori : ICT

Tajuk projek : Kelewatan dalam proses penerbitan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK)
Suku Tahunan Bagi Sektor Perkhidmatan

Penyertaan : Kumpulan Eureka, Bahagian Perangkaan Perkhidmatan



FINALIS ANUGERAH PENGURUSAN

Kategori : Anugerah PTJ Terbaik

Penyertaan : Jabatan Perangkaan Wilayah Persekutuan

Kejayaan Jabatan menjadi finalis ini diharapkan menjadi inspirasi kepada semua warga Jabatan untuk meningkatkan lagi penyampaian perkhidmatan awam yang lebih bersepada dan berkesan. Budaya kecemerlangan menyeluruh perlu menjadi amalan penjawat awam dan hendaklah mempunyai global *mindset* dalam melaksanakan tugas sehari-hari.



PERSIJILAN 5S DI PEJABAT OPERASI TAWAU DAN PEJABAT OPERASI LAHAD DATU

Pejabat Operasi (PO) Tawau telah menerima persijilan kali pertama 5S daripada Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Jabatan Perdana Menteri pada 15 April 2014. Audit SIRIM telah dilaksanakan pada 26 dan 27 Februari 2014 dengan menggunakan skema pemarkahan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA).

Tempoh laku persijilan ini adalah selama dua tahun bermula dari 15 April 2014 hingga 14 April 2016. Persijilan ini melibatkan tiga pejabat iaitu pejabat di Wisma Persekutuan Tawau, pejabat di Bangunan KWSP Tawau dan Pejabat Operasi Lahad Datu.



Lawatan dan Kerjasama Statistik

Sepanjang tempoh 2014, Jabatan telah menerima 12 lawatan sambil belajar yang terdiri daripada Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) seperti Universiti Teknologi MARA, Universiti Malaysia Sarawak dan Politeknik. Objektif utama lawatan adalah untuk mendapatkan penerangan lebih jelas berkaitan kepentingan statistik, fungsi dan peranan Jabatan.

Jabatan juga telah menerima empat kunjungan hormat dari pelbagai agensi iaitu Biro Tatangara, Jabatan Perkhidmatan Awam, Permodalan Nasional Berhad dan *Khazanah Research Institute* yang bertujuan untuk mengeratkan hubungan kerjasama di

antara kedua-dua agensi.

Selain itu, Jabatan juga telah menerima sebanyak tujuh lawatan dari pelbagai negara seperti Bangladesh, Afghanistan dan Madagaskar. Tujuan utama lawatan berkenaan adalah untuk mempelajari rekabentuk pensampelan, penyusunan perangkaan seperti akaun negara dan perdagangan luar negeri serta analisis data.

Lawatan dan kunjungan hormat ini telah berjaya mengeratkan kerjasama di antara Jabatan dan agensi lain serta memberi peluang dalam mempromosikan produk Jabatan.

Dalam Negara

| Bil. | Tarikh | Program |
|------|-------------------|--|
| 1. | 28 Januari 2014 | Taklimat Penyediaan Statistik daripada Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan |
| 2. | 25 Februari 2014 | Lawatan Sambil Belajar oleh Pelajar Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) |
| 3. | 26 Februari 2014 | Lawatan Akademik oleh Pelajar Universiti Teknologi MARA (UiTM), Segamat |
| 4. | 28 Februari 2014 | Lawatan Sambil Belajar oleh Universiti Malaysia Terengganu (UMT) |
| 5. | 18 Mac 2014 | Lawatan Akademik oleh Politeknik Sultan Azlan Shah, Perak |
| 6. | 11 April 2014 | Kunjungan Hormat daripada <i>Khazanah Research Institute</i> |
| 7. | 17 April 2014 | Lawatan Kerjaya daripada Persatuan Comobista, UiTM Kota Bharu, Kelantan |
| 8. | 29 Mei 2014 | Lawatan Sambil Belajar oleh Pelajar UiTM Cawangan Kelantan |
| 9. | 16 Jun 2014 | Kunjungan Hormat daripada Ketua Pengarah BTN |
| 10. | 16 Julai 2014 | Lawatan <i>Research Training Services for PNB Management Trainees</i> |
| 11. | 15 Ogos 2014 | Program Mengkomunitikan Statistik di Kolej Matrikulasi Perak |
| 12. | 5 September 2014 | Lawatan Sambil Belajar oleh UiTM Machang, Kelantan |
| 13. | 19 September 2014 | Perjumpaan Pengarah Bahagian Pembangunan Organisasi JPA |
| 14. | 23 Oktober 2014 | Lawatan Sambil Belajar oleh UiTM Seremban, Negeri Sembilan |
| 15. | 28 Oktober 2014 | Lawatan Sambil Belajar oleh Pelajar Kolej KDU Pulau Pinang |
| 16. | 11 November 2014 | Lawatan Sambil Belajar oleh UiTM Shah Alam |
| 17. | 1 Disember 2014 | Lawatan Turun Padang YDP dan Ahli MT Puspanita Kebangsaan ke Jabatan Perangkaan Malaysia |

Luar Negara

| Bil. | Tarikh | Program |
|------|------------------------|---|
| 1. | 6 Mac 2014 | <i>Chiang Mai School of Economics (CMSE) Visit from Chiang Mai University, Thailand</i> |
| 2. | 2 - 5 Jun 2014 | <i>Study Visit by Bangladesh Bureau of Statistics</i> |
| 3. | 17 Jun 2014 | <i>Visit from Japan Toyohashi University of Technology</i> |
| 4. | 22 - 25 September 2014 | <i>Study Visit by Islamic Republic of Afghanistan Central Statistics Organization</i> |
| 5. | 17 - 21 November 2014 | <i>Study Visit on Information Communication & Technology Development, LAO-PDR</i> |
| 6. | 24 - 28 November 2014 | <i>Consultant Visit on Measuring Progress Towards Green Economy, UNSD</i> |
| 7. | 11 Disember 2014 | <i>Study Visit by Delegation from Madagaskar</i> |



28 Januari, Suruhanjaya Integriti

Taklimat Penyediaan Statistik daripada Suruhanjaya Integriti Agensi Pengurusan



28 Februari, UMT

Lawatan Sambil Belajar oleh Universiti Malaysia Terengganu



11 April, Khazanah

Kunjungan Hormat daripada Khazanah Research Institute



29 Mei, UiTM Kelantan

Lawatan Sambil Belajar oleh Pelajar Universiti Teknologi Mara Kelantan



2-5 Jun, Bangladesh

Study Visit by Bangladesh Bureau of Statistics




16 Julai, Lawatan PNB

Lawatan Research Training Services for Management Trainees



Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA)



Sepanjang tahun 2014, Jabatan Perangkaan Malaysia telah menandatangani sebanyak tiga lagi Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) iaitu Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM). Sebelum ini, Jabatan telah menjalankan kerjasama dengan dua universiti awam lain iaitu Universiti Malaya dan Universiti Teknologi MARA. MoU yang ditandatangani ini merupakan pelan tindakan kerjasama strategik Jabatan bagi meningkatkan komunikasi statistik dalam kalangan penyelidik dan pelajar di IPTA.

Majlis menandatangani MoU bersama UKM telah diadakan pada 8 April 2014 bertempat di UKM, Bangi, Selangor sementara majlis menandatangani MoU bersama UUM pula telah diadakan pada 19 September 2014 bertempat di Jabatan Perangkaan Malaysia, Putrajaya. Jabatan terus mengorak langkah dengan memperluaskan lagi hubungan strategik

dengan IPTA apabila memeterai MoU bersama UTHM pada 5 Disember 2014 di Jabatan Perangkaan Malaysia, Putrajaya.

Melalui MoU ini, Jabatan telah membekalkan empat set data mikro yang terdiri daripada data Banci Penduduk dan Perumahan, Penyiasatan Tenaga Buruh, Penyiasatan Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah serta Penyiasatan Pembuatan Tahunan. Majlis Penyerahan Data Mikro kepada UKM telah diadakan pada 8 Ogos 2014 bertempat di Pusat Pengajian Sains Matematik, Fakulti Sains dan Teknologi, UKM. Sementara Majlis Penyerahan Data Mikro kepada UUM telah diadakan pada 2 Disember 2014 di Pusat Pengajian Sains Kuantitatif, UUM.

Dengan termeterainya MoU selama lima tahun ini, diharapkan perkongsian dua hala antara pihak universiti dan Jabatan lebih lancar terutamanya untuk tujuan penyelidikan dan latihan dalam bidang statistik.



8 April,
Universiti
Kebangsaan
Malaysia



19 September, Universiti Utara Malaysia



5 Disember,
Universiti
Tun Hussein Onn
Malaysia



Diari Statistik





Peristiwa Penting Diari 2014



14 JANUARI
2014

Sambutan Maulidur Rasul
Peringkat Kebangsaan
Perarakan Kontinjen Jabatan
Perangkaan di Dataran
Putrajaya.

27 JANUARI
2014

Lawatan YBhg. Ketua
Perangkawan Malaysia
ke Pejabat Operasi Muar.

27 JANUARI
2014

Lawatan Muhibbah ke
Suruhanjaya Syarikat Malaysia
(SSM) Pulau Pinang.



8 APRIL
2014

Majlis Menandatangani
Memorandum Persefahaman
antara Jabatan Perangkaan dan
Universiti Kebangsaan Malaysia.

4 MAC
2014

Lawatan HIES oleh Timbalan
Ketua Perangkawan Program
Sosial/Demografi ke JP Wilayah
Persekutuan.

15 MAC
2014

Karnival Pekerjaan Azam
Kerja 1Malaysia



16 APRIL
2014

Lawatan Kerja Luar HIES 2014
bersama Timbalan Ketua
Perangkawan Program Sosial /
Demografi.

27 APRIL
2014

Seminar Transformasi
Sosial dan Peranan Jabatan
Perangkaan

28-29 APRIL
2014

Lawatan Ketua Perangkawan
Malaysia ke Jabatan Perangkaan
Kelantan dan Pejabat Operasi
Kuala Krai.

4 FEBRUARI
2014

Mesyuarat Sistem Statistik Pertanian bersama Standing Committee.



16 FEBRUARI
2014

Selamat Pagi 1Malaysia TV1 bersama Ketua Perangkawan Malaysia dan YB Senator Dato' Sri Abdul Wahid Omar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

26 FEBRUARI
2014

Majlis Jasamu Dikenang Tahun 2013-2014.

Majlis diadakan untuk menghargai jasa dan bakti yang telah diberikan oleh anggota Jabatan sepanjang perkhidmatan.

9 -10 APRIL
2014

KONVENSYEN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF 2014

Pemenang Kategori Pengurusan

Johan

JP Sarawak (Q-Stats)

Kesukaran proses kawalan Soal Selidik Ekonomi (SSE) di Seksyen Prosesan dan Analisis Sarawak

Naib Johan

JP Pulau Pinang (Penstats)

Kesukaran menjana laporan permintaan data pelanggan di UKP

Tempat Ketiga

JP Kedah (Helang)

Prosedur pengurusan kerja luar kurang efisien

Pemenang Kategori Teknikal

Johan

Bahagian Perangkaan Perkhidmatan (Eureka)

Kelewatan penerimaan data penyiasatan perkhidmatan

suku tahunan bagi subsektor maklumat dan komunikasi

Naib Johan

Bahagian Petunjuk Ekonomi (Catalyst)

Kesukaran pemandangan medan soal selidik ekonomi kepada kod produk

Tempat Ketiga

JP Sabah (Infinite)

Proses suntingan borang soal selidik ekonomi industri pembuatan tahunan di JP Sabah kurang mantap

LAWATAN KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA KE JP NEGERI DAN PEJABAT OPERASI (PO)

Lawatan YBhg. Ketua Perangkawan Malaysia bertujuan untuk meninjau suasana kerja di JP Negeri dan PO, mendengar masalah-masalah yang dihadapi oleh anggota, di samping beramah mesra bersama anggota.



6 MEI
2014

Seminar Kepentingan Statistik Pendapatan & Perbelanjaan Isi Rumah Kepada Pembangunan Negara

10 MEI
2014

Perlawanan Bola Tampar Persahabatan antara Jabatan Perangkaan dan Unit Perancang Ekonomi.



PROGRAM TAHUNAN PERKHIDMATAN KADER

Program Tahunan Perkhidmatan Kader Siri 1 dan 2 bertujuan untuk mencerap isu dan masalah Pegawai Kader bagi dibincangkan secara telus dan berkesan bersama pihak Jabatan.

20-22 MEI
2014

Program Tahunan Perkhidmatan Kader Siri 1 (kumpulan Sokongan) Mencetus Jati Diri, Pemangkin Inovasi



23 MEI
2014

Festival Belia 2014

12 JUN
2014

Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2013 anjuran Jabatan Perdana Menteri di PICC

Bilangan Penerima APC Tahun 2013 Mengikut Bahagian dan Negeri

BAHAGIAN 92
157 NEGERI

Bilangan Penerima APC Tahun 2013
Mengikut Kumpulan Perkhidmatan

| | |
|---|---------------------|
| KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL | 30 |
| 209 | KUMPULAN SOKONGAN I |
| KUMPULAN SOKONGAN II | 10 |



16 JUN
2014

Kunjungan Hormat daripada Ketua Pengarah Biro Tatanegeara.



12 OGOS
2014

Lawatan YBhg. Ketua Perangkawan Malaysia ke Pejabat Operasi Kluang



21 OGOS
2014

Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri 1435H

12 OGOS
2014

Sesi Temuramah Ketua Perangkawan Malaysia bersama Media Bagi Penyiasatan Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah dan Banci Perdagangan Edaran.

SEMINAR STATISTIK

Objektif seminar statistik adalah untuk:

- a) meningkatkan kesedaran dan kefahaman masyarakat terhadap fungsi dan peranan Jabatan;
- b) mengukuhkan hubungan kerjasama Jabatan dengan komuniti perniagaan serta masyarakat;
- c) mempromosikan penggunaan statistik; dan
- d) menjadikan komuniti cekik statistik.



**27 MEI
2014**

**Seminar Statistik
Perkhidmatan Ke Arahs
Pencapaian Aspirasi Program
Transformasi Kerajaan**

**9 JUN
2014**

**Perasmian Jabatan Perangkaan
Wilayah Persekutuan**

**26-27 JUN
2014**

Lawatan YBhg. Ketua
Perangkawan Malaysia
ke PO Teluk Intan dan PO
Taiping



**27 JUN
2014**

**Majlis Penyerahan Institut
Latihan Statistik Malaysia,
Fasa II.**

**23 JULAI
2014**

**Majlis Silaturahim dan
Pengimaran Ramadhan
Al Kareem 1435M**

**11 SEPTEMBER
2014**

**Sesi Engagement Bersama
Agensi Kerajaan Berkennaan
Statistik Keluaran Dalam Negeri
Kasar Kaedah Pendapatan.**



**12 SEPTEMBER
2014**

**Majlis Apresiasi Media Bersama
Jabatan Perangkaan.**

**19 SEPTEMBER
2014**

**Majlis Menandatangani MOU
antara Jabatan Perangkaan dan
Universiti Utara Malaysia.**

29-30
SEPTEMBER
2014

Lawatan YBhg. Ketua
Perangkawan Malaysia ke PO
Teluk Intan dan PO Taiping

13 OKTOBER
2014

*The Closed Session of the
ASEAN Community Statistical
System (ACSS) Committee
4th Session.*



28 OKTOBER
2014

Lawatan Sambil Belajar
oleh Pelajar Kolej KDU
Pulau Pinang

29 OKTOBER
2014

*Hari Inovasi dan
Kecemerlangan
Jabatan Perdana Menteri*



29 OKTOBER
2014

*Pembentangan Kertas Teknikal
Jabatan Perangkaan (Ke-6)*



25 NOVEMBER
2014

*Hari Integriti Jabatan
Perangkaan*

*Sambutan Hari Integriti peringkat
JP Negeri yang telah diadakan
sepanjang November:*

| Tarikh | JP Negeri |
|-------------|---------------------|
| 8 November | Sarawak |
| 20 November | Wilayah Persekutuan |
| 25 November | Negeri Sembilan |
| 26 November | Kedah |
| 26 November | Perlis |
| 26 November | Melaka |
| 27 November | Kelantan |
| 28 November | Sabah |
| 28 November | Selangor |

*Sambutan Hari Integriti peringkat
JP Negeri yang telah diadakan
sepanjang Disember:*

| Tarikh | JP Negeri |
|-------------|--------------|
| 4 Disember | Perak |
| 17 Disember | Johor |
| 18 Disember | Terengganu |
| 19 Disember | Pulau Pinang |
| 19 Disember | Pahang |



**23-24 OKTOBER
2014**

Program Tahunan Kader Siri 2
(Kumpulan Pengurusan dan Profesional)



**27 OKTOBER
2014**

**Sesi Ramah Mesra Ketua
Perangkawan bersama Warga JP
Negeri Sembilan**

PERSIDANGAN JP NEGERI

Objektif persidangan

- i. Berkongsi pengalaman di antara negeri berkaitan cara kerja dalam proses pengumpulan data di JP Negeri;
- ii. Membincangkan teknik bagi memodenisasikan cara kerja dalam proses pengumpulan data di JP Negeri; dan
- iii. Merungkai cabaran yang dihadapi dalam proses pengumpulan data di JP Negeri.



**12-14 NOVEMBER
2014**

**Persidangan Jabatan
Perangkaan Negeri 2014**
Pengurusan Pengumpulan Data
di JP Negeri



**16 NOVEMBER
2014**

**The ISI Regional Statistics
Conference (ISI-RSC 2014)**



**1 DISEMBER
2014**

**Lawatan Turun Padang Puspanita
ke Jabatan Perangkaan**



**5 DISEMBER
2014**
Majlis Menandatangani MoU
antara Jabatan Perangkaan
dengan Universiti Tun Hussein
Onn Malaysia



**11 DISEMBER
2014**

Lawatan Delegasi Madagascar

BISNES | JULY 2014

BERITA SABAH - BUKIT MERTAJAM

Bisnes

KDNK catat pertumbuhan 6.2 peratus

KOTA KINABALU: Tinggi pengangguran pertama kali dijangka akan turun pada akhir tahun ini, dari 11.6 peratus, dan perbezaan 3.8 peratus ini bakal dia sejajarkan dengan setiap negara di dunia setelah dua tahun berturut-turut mengalami peningkatan pengangguran di bawah 10 peratus, kata KDNK.

Menurutnya, hasil senarai pengangguran pertama kali dijangka akan turun kepada 7.86 peratus, dan perbezaan 3.8 peratus ini bakal dia sejajarkan dengan setiap negara di dunia setelah dua tahun berturut-turut mengalami peningkatan pengangguran di bawah 10 peratus, kata KDNK.

Dengarannya, jumlah pengangguran Sabah turut mampu wujudkan keseimbangan dalam pasaran kerja global yang semakin meningkat. Berasaskan kriteria tersebut, pada pagelaran seminar nasional "Sabah: Strategi Pembangunan Ekonomi dan Sosial" di Kuala Lumpur baru-baru ini,

Abdul Rahman berkata, berdasarkan maklumat yang diberikan oleh Transpariensi, pengangguran di Sabah terdiri daripada dua kategori, iaitu pengangguran yang dilakukan kerajaan dan pengangguran yang dilakukan oleh bank sentral.

Abdul Rahman berkata,

ABDUL RAHMAN HASAN
Statistik Nasional

Janji itu pada hari pelancaran. Selain itu, ada tiga kerja bersama yang berjaya dilaksanakan bagi mendekati penduduk di seluruh negeri Sabah dan Sarawak, yang dilaksanakan bersama-sama dengan agensi kerajaan dan ahli parlimen Sabah dan Sarawak.

Berikutnya, Ihsan punyai peranan penting dalam membantu kerajaan dalam mencapai tujuan tersebut. Abdul Rahman berkata, sumber pendapatan dan pendapatan tanah di Sabah dan Sarawak adalah RM10.200 perkapita setiap.

Pengaruh Ihsan Panganan, Sabah dan Sarawak pada pendapatan perkapita negeri Sabah dan Sarawak adalah RM10.200 perkapita setiap.

Menurutnya, jumlah pengangguran di Sabah yang dilakukan kerajaan dan pengangguran yang dilakukan oleh bank sentral

berdasarkan maklumat yang diberikan oleh Transpariensi, pengangguran di Sabah terdiri daripada dua kategori, iaitu pengangguran yang dilakukan kerajaan dan pengangguran yang dilakukan oleh bank sentral.

Menurutnya, Bank Pegangan-

Dalipeda data-data ini, kita dapat lihat keruangan ekonomi Malaysia terus mantap walaupun berdepan dengan serangan ekonomi global yang tidak menentu.

ASYLIAH HASSAN
Statistik Nasional

Dept plans to survey income of households

PE ALING JAYA: The Department of Statistics is conducting a survey to gauge household income distribution and the economic well-being of the population.

The year-long survey is also being done to identify poverty margin and the expenditure data which, among others, is to be used to calculate the weighted Consumer Price Index – a proxy for measuring the country's inflation rate.

This survey covers households staying in private living quarters involving 80,400 households nationwide. This income data will be used by the Government as inputs for the formulation of national development plan, especially in preparing the 11th Malaysia Plan."

It said the Household Income, Expenditure and Basic Amenities Survey 2014 is important in the planning, development and formulation of policies, especially in the poverty eradication programme and comprehensive claim button of income

The data also serves as a basic item in determining the poverty line income (PLI) and in determining the social and welfare policies," added.

Malaysian 22 July 2014

Utusan Malaysia, 20 Jun 2014

The Star Online, 17 Mac 2014

Media Sosial



Publisiti Banci Perdagangan Edaran di Ruang Bicara - Bahasa Melayu, TV BERNAMA pada 8 September 2014, jam 9.30-10.30 malam

Publisiti Banci
Perdagangan Edaran
di Malaysia Hari Ini, TV3
pada 8 September 2014,
jam 7.00-9.00 pagi

Publisiti Banci
Perdagangan Edaran
di Bernama Today - Live
Talk Show in English pada
10 September 2014,
jam 9.00-10.00 pagi

Aktiviti Sukan, Kebajikan dan Sosial

Aktiviti Sukan

Aktiviti sukan diadakan bertujuan untuk meningkatkan kecerdasan anggota Jabatan di samping sebagai salah satu cara mengurangkan stress bekerja. Aktiviti sukan yang dianjurkan oleh kelab Bahagian dan JP Negeri ini disertai oleh anggota Bahagian dan JP Negeri. Selain itu, terdapat juga anggota JP Negeri yang menyertai pertandingan dan perlawanan persahabatan agensi lain kerajaan atau persatuan sukan di negeri masing-masing.

Antara aktiviti sukan yang disertai adalah pertandingan bowling, kejohanan futsal serta aktiviti sukan lasak seperti memanjat gunung dan bukit. Bahagian dan JP Negeri yang terlibat dengan aktiviti sukan ini adalah:

Karnival Sukan JP Pulau Pinang

Sepanjang Januari hingga Februari 2014



Kejohanan Futsal Tertutup 2014, JP Selangor
8 Februari 2014, Sport Planet Seksyen 16,
Shah Alam



Pertandingan Ping Pong MAKSAK 2014, JP Sarawak

3-4 Mei 2014, Dewan Serbaguna
Yayasan Sarawak



Kejohanan Boling Tertutup 2014, JP Selangor
26 April 2014, Mega Lanes Plaza Alam Sentral,
Shah Alam



Pertandingan Futsal MAKSAK 2014

7 Jun 2014, Safira Country Club, Seberang Jaya, Pulau Pinang



Pertandingan Bowling Muhibah antara Jabatan Persekutuan, JP Sarawak 10 Mac 2014



Perlwanan Persahabatan Badminton antara JP Negeri Sembilan dan Nestle Rembau

11 Jun 2014, Summer Court, Seremban 2



Indoor Games Challenges, Bahagian Perangkaan Perkhidmatan 25 April 2015




Pertandingan Memancing, JP Sarawak

13 September 2014, Kampung Semaba, Kuching



Aktiviti Kecergasan, JP Selangor

1 Mei 2014, Bukit Broga



Laporan Tahunan 2014
JABATAN PERANGKARAN MALAYSIA

24 Mei 2014, Rembau, Negeri Sembilan



15 Jun 2014, Gunung Kinabalu, Sabah



SUPES 2014, JP Selangor

13 Disember 2014, Kompleks Sukan SUK Selangor



Sukaneka, JP Kedah

25 Disember 2014



 **Majlis Perayaan dan Keraian**

Majlis Sambutan Maulidur

Rasul, JP Melaka

24 Januari 2014



Majlis Berbuka Puasa

Bersempena dengan ketibaan Ramadhan al-Mubarak, Majlis Berbuka Puasa telah dianjurkan dengan pengisian majlis, antaranya tazkirah, penyampaian cenderahati, solat maghrib dan solat terawih serta penyampaian sumbangan kepada yang memerlukan.

Antara Bahagian dan JP Negeri yang menganjurkan Majlis Berbuka Puasa adalah:

Majlis Berbuka Puasa, JP Kedah

20 Julai 2014



Majlis Berbuka Puasa, Bahagian Perangkaan Akaun Negara 2014 (1435 H)

16 Julai 2014, Perantau Hill,
Kampung Dato' Abu Bakar
Baginda



Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri

Bagi meraikan Hari Raya Aidilfitri, sambutan di peringkat Bahagian dan JP Negeri telah diadakan. YBhg. Ketua Perangkawan bersama Timbalan turut dijemput bagi menyerikan majlis ini.

Sempena majlis ini, warga Bahagian dan JP Negeri memakai pakaian mengikut tema majlis bagi memeriahkan sambutan Hari Raya Aidilfitri di tempat bertugas masing-masing. Bahagian dan JP Negeri yang telah mengadakan majlis ini adalah:

Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri, JP Kedah

12 Ogos 2014



Majlis Hari Raya Aidilfitri, Bahagian Perangkaan Pertanian dan Asas Tani

15 Ogos 2014



Majlis Hari Raya, Bahagian Petunjuk Ekonomi

15 Ogos 2014



Majlis Khatam Al-Quran Dan Majlis Jamuan Hari Raya Aidilfitri, JP Melaka
15 Ogos 2014



Majlis Sambutan Hari Raya Bahagian Perangkaan Penduduk dan Demografi
18 Ogos 2014



Jamuan Hari Raya Aidilfitri Bahagian Perangkaan Pengeluaran Industri Dan Binaan
18 Ogos 2014



Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri, Bahagian Perangkaan Akaun Negara 2014
22 Ogos 2014



Majlis Jamuan Hari Raya, JP Pulau Pinang
22 Ogos 2014, Hotel Royal, Pulau Pinang



Jamuan Hari Raya dan Majlis Perpisahan Persaraan, JP Negeri Sembilan
26 Ogos 2014

Bagi meraikan kepelbagaian kaum, perayaan kaum lain turut disambut oleh Jabatan, antaranya Sambutan Tahun Baru Cina. Melalui sambutan sebegini, adat dan kebudayaan kaum Cina dapat dipelajari dan lebih difahami oleh kaum lain.

Sambutan Tahun Baru Cina, JP Pulau Pinang
12 Februari 2014



Majlis Hi-Tea dan Majlis Makan Malam

Majlis hi-tea dan Majlis Makan Malam diadakan untuk mengeratkan silaturrahim sesama anggota Bahagian dan JP Negeri. Selain warga Jabatan, acara ini turut dihadiri oleh anggota keluarga. Terdapat tema yang ditetapkan untuk memeriahkan majlis ini seperti *The Oscar Red Carpet*.

Majlis Makan Malam JP Sarawak

8 November 2014, Hotel Riverside Majestic



Majlis Makan Malam Bahagian Perangkaan Pengeluaran Industri dan Binaan

8 Disember 2014, Café @ PICC Putrajaya



Majlis Hi-Tea, Bahagian Perangkaan Penduduk dan Demografi

6 Disember 2014, di Café Lavista, Hotel Bangi-Putrajaya



Majlis Jamuan Akhir Tahun dan Majlis Persaraan, JP Melaka

24 Disember 2014 di Holiday Inn, Melaka



Majlis Meraikan Sambutan Hari Kelahiran

Majlis Sambutan Hari Kelahiran anggota Bahagian diadakan untuk meraikan hari lahir anggota dan memberi penghargaan kepada mereka. Acara ini kebiasaannya diadakan pada setiap suku tahun atau separuh tahun.



Hari Keluarga

Hari Keluarga diadakan bertujuan untuk mengeratkan hubungan kekeluargaan sesama anggota Bahagian dan JP Negeri bersama ahli keluarga masing-masing. Ia diadakan di tempat rekreasi yang santai dan diisi dengan pelbagai program yang menarik. Bahagian dan JP Negeri yang telah menganjurkan program ini adalah:

JP Melaka

19 April 2014, di A'Famosa Water Theme Park Melaka



Bahagian Perangkaan Akaun Negara

18 Mei 2014 di D' Sungai Lepoh Chalet & Kem, Hulu Langat
Perasmian oleh YBhg. Datuk Dr. Abdul Rahman bin Hasan, Ketua Perangkawan Malaysia



Bahagian Perangkaan Pengeluaran Industri dan Binaan

24 hingga 25 Mei 2014, Kemunting Beach Resort, Melaka



Bahagian Petunjuk Ekonomi

20 September 2014 di D'Sungai Lepoh, Hulu Langat, Selangor



Bahagian Perangkaan Pertanian dan Alam Sekitar

8 November 2014, KM Chalet, Kuala Linggi, Melaka



JP Pulau Pinang

20 Disember 2014 di Pantai Merdeka, Kota Kuala Muda, Kedah



Aktiviti Tanggungjawab Sosial

Program lawatan ini diadakan untuk memenuhi tanggungjawab sosial kepada anggota Jabatan dan masyarakat. Anggota yang terlibat dalam lawatan tersebut turut bertanya khabar dan memberi kata-kata semangat kepada pesakit dan ahli keluarga. Selain itu, sumbangan dan barang keperluan juga telah diserahkan kepada mereka yang memerlukan.

Lawatan Ke Rumah Orang Miskin, JP Pulau Pinang

Ramadhan 1435h



Program Khidmat Masyarakat Bahagian Perangkaan Pengeluaran Industri dan Binaan

22 Julai 2014, Rumah Orang Tua Al-Ikhlas,
Puchong, Selangor



Lawatan ke Rumah Anggota yang Bercuti Sakit (Puan Umi Kalsom, Bahagian Perangkaan Perkhidmatan

4 April 2015



Projek Amal Cipta Keikhlasan - Pengumpulan pakaian terpakai, JP Sarawak

15 Mei 2014



Lawatan Ke Rumah Jagaan dan Rawatan Orang Tua Al-Ikhlas, Bahagian Perangkaan Perkhidmatan







Memperkasakan Modal Insan



Mesyuarat / Bengkel / Seminar Antarabangsa

Sepanjang tahun 2014, sebanyak 51 pegawai Jabatan telah menghadiri 42 mesyuarat/bengkel/seminar di peringkat antarabangsa. Penglibatan pegawai adalah melalui pembentangan oleh Jabatan atau pihak penaja.



13-21 JANUARI 2014

System of National Accounts (SNA) Statistics Training
Tokyo, Jepun
Puan K Megala a/p Kumarran

17-22 FEBRUARI 2014

25th Session of the Asia and the Pacific Commission on Agricultural Statistics (APCAS)
Vientiane, Laos
Puan Hajah Zarinah binti Mahari



23-27 MAC 2014

Expert Group Meeting on Islamic Banking and Finance Statistics.
Ankara, Turki
Encik Syed Ibrahim bin Mohd Jamaluddin

6-8 APRIL 2014

The 28th Meeting of Working Group on International Investment Statistics (WGIIS) and 7th Regional Workshop on Foreign Direct Investment Statistics (FDIS)
Siem Reap, Cambodia
Encik Anuar Kamal bin Sidin

13-17 APRIL 2014

Expert Group Meeting on the Management of Statistical Information Systems (MSIS) 2014.
Manila, Filipina
Puan Habsah binti Salleh
Cik Rosnah binti Muhamad Ali



15-19 APRIL 2014

International Workshop on Application of Modern Information Technology in Agricultural Statistics
Beijing, China
Encik Mohd Suhaimi bin Mohd Rashid



19-24 APRIL 2014

Fourth Session of the OIC – Statcom
Ankara, Turki
Encik Abd Latib bin Talib

25 APRIL - 26 MEI 2014

Program Sangkutan Pegawai-Pegawai Kanan Kerajaan di Syarikat-Syarikat Swasta Republik Persekutuan Jerman Tahun 2014
Jerman
Puan Nazaria binti Baharudin

27 APRIL - 4 MEI 2014

Second United Nations Expert Group Meeting on Revising the Principles and Recommendations for Population and Housing Censuses
New York, USA
Puan Rozita binti Talha

11-14 MEI 2014

Program Sangkutan Penyusunan Akaun Satelit Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICTSA), e-Dagang, Pelaksanaan Good For Processing (GFP) dan Manufacturing Services (MS)
Bank of Korea, Korea
Puan Mazreha binti Ya'akub

19-24 MEI 2014

International Workshop in Quality Adjustment Method Used in Compiling CPI
Beijing, China
Encik Fareza bin Mohamed Sani
Encik Tai Boon Hooi

25-27 MEI 2014

Meeting of Focal Specialist on International Labour Migration Statistics in ASEAN
Bangkok, Thailand
Encik Sharuddin bin Shafie

29-30 MEI 2014

Second Meeting of the Friends of the Chair (FOC) on Formulating the 2015-2019 Strategic Plan for SIAP
Ibu Pejabat, Statistical Institute for Asia and the Pacific, Chiba, Jepun
YBhg. Datuk Dr. Haji Abdul Rahman bin Hasan

16-18 JUN 2014

High-Level Seminar and Workshop on ASEAN Community Statistical System (ACSS) Strategic Plan 2016-2020
Bogor dan Jakarta, Indonesia
Puan Omi Kelsom binti Haji Elias

17-21 JUN 2014

International Workshop on Supply and Use Accounts
Beijing, China
Puan Nan Hasnani binti Long Padang
Puan Junainah binti Sedek

19-20 JUN 2014

6th Meeting of the ASEAN Community Statistical System (ACSS) Sub-Committee on Planning and Coordination
Bogor dan Jakarta, Indonesia
Puan Omi Kelsom binti Haji Elias

23-29 JUN 2014

Ninth Meeting of United Nations Committee of Experts on Environmental – Economic Accounting (UNCEEA)
New York, Amerika Syarikat
Puan Hajah Zarinah binti Mahari

26 JUN -3 JULAI
2014 2014

Training of Trainers dan Training on Public Relation and Statistics

Hanoi, Vietnam

Encik Abang Saifulhadi bin Abang Haji Ibrahim



29 JUN -3 JULAI
2014 2014

Inception Meeting on Statistical Business Registers
Colombo, Sri Lanka

Puan Siti Haslinda binti Mohd Din

Encik Barshah bin Abu Bakar

1 JULAI
2014

Mesyuarat Jawatankuasa Statistik International Tripartite Rubber Council (ITRC)

Chiangmai, Thailand

Tuan Haji Ismail bin Yusoff

Puan Hasnurul Mastura binti Harun

3-4 JULAI
2014

The Seventh Meeting of the Working Group on Data Sharing, Analysis, Dissemination and Communication
Hanoi, Vietnam

Puan Siti Zakiah binti Muhamad Isa

5-12 JULAI
2014

Pilot Training of Trainers for the Worldwide Implementation of The System of Environmental – Economic Accounting (SEEA) 2012 – Central Framework
Pejabat United Nations, New York, Amerika Syarikat
Cik Zaitun binti Mohd. Taha

12-20 SEPTEMBER
2014

24th Meeting Of The Wiesbaden Group on Business Registers

Vienna, Austria

Puan Siti Haslinda binti Mohd Din

14-19 SEPTEMBER
2014

EU-ASEAN Capacity Building Project Monitoring Integration Progress and Statistics (COMPASS)
National Coordinators dan 7th Meeting of the ACSS Sub-Committee on Planning and Coordination
Jakarta, Indonesia

Puan Nazaria binti Baharudin

20-27 SEPTEMBER
2014

29th Meeting of the Voorburg Group on Services Statistics

Dublin, Ireland

Puan Sayeeda binti Kamaruddin

Puan Mazliana binti Mustapa

29 SEP -4 OKTOBER
2014 2014

Seminar on Global Assessment to Implement Quality Framework in Statistics
Ulaanbaatar, Mongolia

Puan Hartini binti Yaacob



4-12 OKTOBER
2014

Program Sangkutan di Australian Bureau of Statistics
Canberra, Australia

Puan Norhayati binti Shuja'

Puan Maizura binti Abdul Jabar

7-11 OKTOBER 2014

Persidangan IAOS 2014 *Conference on Official Statistics, Meeting the Demands of A Changing World*
Danang, Vietnam
Puan Faiza Rusrianti binti Tajul Arus



8-11 OKTOBER 2014

Workshop on Short-term economic statistics and the 32nd CIRET Conference
Hangzhou, China
Puan Wan Siti Zaleha binti Wan Zakaria

9-11 OKTOBER 2014

Special Meeting on the Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia-the Philippines East ASEAN Growth Area (BIMP-EAGA) Trade, Investment and Tourism Database
Manila, Filipina
Puan Tan Bee Bee

12-18 OKTOBER 2014

The Closed Session of the ACSS Committee 4th Session dan The EU-ASEAN COMPASS Launching Ceremony serta THE ASEAN Community Statistical System (ACSS) Fourth Session
Nay Pyi Taw, Myanmar
YBhg. Datuk Dr. Haji Abdul Rahman bin Hasan
Puan Nazaria binti Baharudin



15-17 OKTOBER 2014

20th Meeting of the London Group on Environmental Accounting
New Delhi, India
Encik Ismail bin Abdul Rahman

28-30 OKTOBER 2014

International Conference on Big Data for Official Statistics
Beijing, China
Encik Fazrul Azlan bin Othman

2-7 NOVEMBER 2014

Regional Seminar on International Trade Statistics
New Delhi, India
Puan Tan Bee Bee

9-16 NOVEMBER 2014

Program Sangkutan bagi Pembelajaran Teknikal Analytics, Visualization, dan Master Data Management di Ministry of Business, Innovation and Employment (MBIE)
Wellington, New Zealand
Encik Razale bin Ibrahim

10-13 NOVEMBER 2014

International Comparison Program (ICP) for Asia and the Pacific Consultative Meeting on Asia Pacific Research Agenda
Bangkok, Thailand
Puan Jamaliah binti Jaafar
Encik Mohd Sabaruddin bin Jaafar



15-22 NOVEMBER 2014

Nara Tourism Statistics Week
Nara, Jepun
Cik Kanageswary a/p Ramasamy

10-13 DISEMBER 2014

10th Session of the Governing Council of the Statistical Institute for Asia and the Pacific (SIAP)
Bangkok, Thailand
Encik Wan Mohd Shahrulnizam bin Wan Mohd Najuri

23-29 NOVEMBER 2014

Get Every One in the Picture Ministerial Conference on Civil Registration and Vital Statistics in Asia and The Pacific
Bangkok, Thailand
Encik Mohd Sofi bin Ali

13-18 DISEMBER 2014

Program Sangkutan Penyusunan Akaun Tenaga, System of Environmental - Economic Accounting (SEEA) di Australia Bureau of Statistics (ABS)
Canberra, Australia
Encik Ismail bin Abdul Rahman
Puan Nurul Azliza binti Mohd. Noh

23-29 NOVEMBER 2014


Workshop on Measuring Sustainable Agriculture, Food Security and Poverty Alleviation for Enhancing Accountability in the post – 2015 Development Agenda
Bogor, Indonesia
Encik Shahriman bin Haron

26-29 NOVEMBER 2014


The Eight Meeting of the Working Group on Data Sharing, Analysis, Dissemination and Communication of Statistics (8th WGDSA)
Jakarta, Indonesia
Encik Abang Saifulhadi bin Abang Hj. Ibrahim

Kursus Institut Latihan Statistik Malaysia (ILSM)

Tahun 2014 merupakan tahun ketiga pengoperasian ILSM sebagai institut Latihan dan pusat kecemerlangan Jabatan. Secara keseluruhan bagi tahun 2014, ILSM telah melaksanakan sebanyak 80 Kursus Dalaman yang terdiri daripada *Functional*, *Generic*, *ICT* dan *Behaviour*. ILSM juga telah melaksanakan 25 kursus daripada Bahagian/JP Negeri (*adhoc*) serta 15 program 1Malaysia *Training Center* (1MTC).



Kehadiran Peserta Kursus:



Kursus Pembudayaan Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK) dan Kursus Pengenalan KIK

Kursus Pembudayaan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) dan Kursus Pengenalan KIK telah diadakan pada 8 hingga 10 Disember 2014 bertempat di ILSM. Kursus ini dihadiri seramai 60 ahli KIK dari semua Bahagian dan Jabatan Perangkaan Negeri. Tenaga pengajar terdiri daripada Pakar Rujuk Jabatan iaitu Puan Norhayati Shuja' dan Encik Azraai Abu Bakar serta Ketua Kumpulan Q-Stats dan Eureka iaitu Cik Shaliza Mohd Hasli @ Bob dan Puan Siti Norfadiah Md. Saat.

Kursus ini memberi tumpuan kepada pelaksanaan projek KIK bagi meningkatkan pengetahuan mengenai proses yang betul dan sistematik, mendalami penggunaan alat

kawalan kualiti dan kaedah pengurusan yang betul. Kursus ini juga dapat meningkatkan kualiti penganalisaan data dan maklumat dalam memperkuuhkan sesuatu dapatan. Kursus ini turut meningkatkan kefahaman skema pemarkahan untuk meletakkan projek kumpulan setaraf dengan kehendak pemarkahan konvensyen di peringkat kebangsaan. Selain itu, kursus ini juga menjadi medan perkongsian pengalaman penceramah sepanjang penglibatan mereka dalam aktiviti KIK dan pemberian tips persembahan projek yang mantap. Gaya penceritaan kepada panel penilai dan hadirin dalam konvensyen turut dikongsi oleh Penceramah sepanjang kursus ini.

Kursus ini adalah satu program komprehensif yang melatih secara *hands-on* ahli KIK berkaitan tatacara pelaksanaan projek KIK dan perkongsian tips penyediaan buku projek, tips persembahan dan kaedah yang telah digunakan oleh kumpulan yang telah menjadi Johan Konvensyen KIK peringkat Jabatan bagi tahun 2014. Peserta Kursus Pembudayaan KIK terdiri daripada Fasilitator atau Ketua Kumpulan KIK sesi 2015/2016 manakala peserta Kursus Pengenalan KIK adalah ahli kumpulan yang baru menyertai aktiviti KIK.



Kursus Team Building JPWP - Pemantapan Dan Penghayatan Budaya Korporat Jabatan Perangkaan Malaysia

Kursus *team building* merupakan program julung kali dianjurkan oleh JP WP. Kursus ini dijalankan selama 3 hari 2 malam pada 26 hingga 28 September 2014 bertempat di ILSM dan telah dikendalikan oleh konsultan yang dilantik iaitu Syarikat Human Performance Improvement Consultant. Seramai 110 anggota dari semua Seksyen termasuk PO Labuan dan PO Putrajaya telah menghadiri kursus ini.

Terdapat lapan aktiviti indoor dan outdoor telah dijalankan sepanjang kursus ini, iaitu:

- Pembangunan Pasukan;
- Pemantapan Diri, Pasukan dan Organisasi;
- Kecintaan kepada pasukan dan organisasi;
- *Team Competitiveness*;
- *Together We Conquer*;
- Penilaian Pencapaian Pasukan dan Pengukuhan Berterusan;
- Strategi Kejayaan; dan
- Komitmen dan Azam Kepada Organisasi.

Secara keseluruhannya, peserta mendapat manfaat yang banyak daripada kursus ini. Berdasarkan soal selidik yang dijalankan, peserta berpendapat bahawa kursus ini:

- membina nilai kerjasama dan kejujuran;
- membolehkan peserta memahami diri sendiri dan kepentingan bermasyarakat serta memperbaiki hubungan sesama kakitangan dan komuniti; dan
- menjelaskan tentang erti kesefahaman dan kepentingan kerjasama dalam menjalani pekerjaan dengan baik dan berkesan.



Dapat dirumuskan bahawa kursus ini berupaya meningkatkan kerjasama antara anggota di samping mengukuhkan semangat berpasukan bagi menjayakan visi, misi dan matlamat organisasi. Kursus ini juga dapat menerapkan penghayatan nilai-nilai organisasi serta jati diri yang tinggi dalam diri setiap anggota.

Sesi Pemantapan Budaya Kerja Cemerlang Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Pulau Pinang

Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Pulau Pinang telah mengadakan Sesi Pemantapan Budaya Kerja Cemerlang pada 3 hingga 5 Disember 2014 bertempat di ILSM. Objektif utama kursus ini dianjurkan adalah untuk membentuk semangat kerjasama antara pasukan serta memberikan tips untuk menjadi pekerja yang cemerlang.

Peserta juga didedahkan cara untuk memupuk minda positif dan mengatasi tekanan. Sesi yang diadakan selama 3 hari ini diisi dengan pelbagai aktiviti dan program menarik antaranya Kenali Potensi Diri, Ceramah Motivasi dan Program Dewan seperti lakonan sketsa secara spontan melalui karakter, aktiviti berkumpulan dan zikir terapi diri.



Taklimat Goods & Service Tax (GST)

Pada 6 November 2014, JP Sarawak dengan kerjasama Jabatan Kastam Diraja Malaysia telah mengadakan taklimat berkenaan GST bertempat di Auditorium, Kompleks Belia dan Sukan Negeri Sarawak, Kuching. Penceramah jemputan adalah Tuan Ibrahim bin Radzuan dari Jabatan Kastam Diraja Malaysia. Taklimat ini diadakan bertujuan memberi kefahaman kepada semua anggota di Kuching dan juga wakil semua Pejabat Operasi berkenaan pelaksanaan GST yang akan bermula pada 1 April 2015.

Ceramah Keterampilan Diri

Sesi ceramah Keterampilan Diri telah diadakan pada 22 November 2014 oleh JP Sarawak di Auditorium, Kompleks Belia dan Sukan Negeri Sarawak, Kuching. Penceramah jemputan adalah Puan Fauziah binti Jamil dari Jabatan Keselamatan Jalan Raya Malaysia. Anggota JP Sarawak telah dikongsikan dengan cara keterampilan diri yang betul serta etika dan adab ketika menghadiri majlis rasmi dan di pejabat.

Taklimat Keselamatan, JP Selangor

Taklimat Keselamatan telah diadakan pada 30 November 2014 di Bilik Mesyuarat Tingkat 20, Bangunan Darul Ehsan, Shah Alam. Taklimat ini telah disampaikan oleh dua pegawai dari Balai Bomba dan Penyelamat Shah Alam.

Taklimat ini diadakan bertujuan memberi penerangan dan pendedahan kepada anggota Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Selangor berkaitan keselamatan semasa berlaku kebakaran. Sesi demonstrasi cara memadamkan api juga diadakan di aras bawah Bangunan Darul Ehsan dan anggota Jabatan diberi peluang untuk mencuba dua jenis alat pemadam api iaitu CO₂ dan ABC Powder.



Bicara Ilmu, Bahagian Perangkaan Pengeluaran Industri dan Binaan

Program Bicara Ilmu anjuran BPPIB dijalankan pada setiap hari Jumaat bermula jam 8.30 pagi. Program yang diadakan selama 15 minit ini bertujuan untuk meningkatkan kemahiran berkomunikasi dalam kalangan warga BPPIB dan juga sebagai aktiviti Sesi Pembelajaran Bahagian. Pembentangan diadakan secara penggiriran merangkumi topik berkaitan produk Jabatan, keagamaan, kesihatan dan isu semasa.

Laporan Analisa Sesi Konsultansi Rakan Pembimbing, Jabatan Perangkaan Malaysia

AKRAB adalah nama khusus yang diberikan kepada Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam. AKRAB merupakan kumpulan pekerja yang menggerakkan budaya kerja berprestasi tinggi dan membantu mewujudkan suasana kerja yang harmoni serta saling bantu-membantu.

Antara objektif AKRAB ialah:

- menjadikan AKRAB sebagai penggerak terhadap pembangunan modal insan dalam pengurusan sumber manusia; dan
- menyediakan perkhidmatan membimbing bagi membantu rakan sekerja meningkatkan potensi dan kecemerlangan diri.



Sepanjang tahun 2014, sebanyak 18 sesi konsultasi telah dijalankan oleh ahli AKRAB Jabatan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 16 sesi adalah secara sukarela dan 2 sesi adalah dirujuk. Dari sudut pembahagian jantina pula, sebanyak 4 sesi melibatkan anggota lelaki dan 14 sesi melibatkan anggota perempuan.

Kategori kes yang diterima adalah seperti berikut:

| Bil. | Kategori Kes | Jumlah |
|---------------|---------------|-----------|
| 1. | Lain-lain | 11 |
| 2. | Prestasi | 3 |
| 3. | Interpersonal | 2 |
| 4. | Disiplin | 2 |
| Jumlah | | 18 |

Laporan Pelaksanaan Program Pementoran Siri 6, Jabatan Perangkaan Malaysia

Pelaksanaan Program Pementoran Dalam Perkhidmatan Awam adalah selaras dengan Pekeling Perkhidmatan Awam Bilangan 18 Tahun 2005 : Aplikasi Psikologi Dalam Pengurusan Sumber Manusia Sektor Awam . Program ini telah dijalankan selama 6 bulan bermula pada April 2014 dan berakhir pada Oktober 2014. Program ini mensasarkan penyertaan daripada Kumpulan Pengurusan & Profesional dan Pelaksana. Seramai 22 anggota telah dilantik untuk menjadi mentor dan menti. Empat fokus utama yang diberikan dalam pelaksanaan Program Pementoran adalah:



Bagi memastikan program ini dapat dijalankan dengan lebih efektif, para mentor dan menti yang telah dilantik dikehendaki menghadiri Program *Training of Trainers* yang bertujuan untuk memberikan kefahaman yang lebih jelas tentang perlaksanaan program ini.



Bengkel *Training of Trainers* – Mentor dan Menti

Bengkel ini telah diadakan dengan jayanya pada 24 dan 25 April 2015 di Bilik Seminar 2, Aras 2, Jabatan Perangkaan Malaysia, Putrajaya. Diharapkan program yang murni ini akan dapat memberikan kebaikan untuk seluruh warga Jabatan khasnya mentor dan menti yang terlibat.







Perancangan 2015



Capacity Building daripada United Nations Statistics Division (UNSD):

i. Supporting Developing Countries Measure Progress Towards Achieving a Green Economy Project (2014-2015)

Malaysia telah dipilih sebagai salah sebuah negara perintis bagi projek *Development Account on Green Economy/Green Growth Indicators* oleh United Nations Statistics Division bagi tempoh 2014-2015. Jabatan Perangkaan Malaysia akan menyusun satu set indikator yang boleh digunakan oleh pihak stakeholders dan agensi pengguna data yang lain bagi mengukur pencapaian *Green Economy/Green Growth* di Malaysia.

ii. Development Account Project on Supporting Member States in Developing and Strengthening Environment Statistics and Integrated Environmental-Economic Accounting for Improved Monitoring of Sustainable Development-Malaysia (2014-2017)

Jabatan telah menerima tawaran daripada UNSD untuk membantu negara dalam mengukuhkan pembangunan *Integrated Environmental-Economic Accounting* iaitu *Development Account Project on Supporting Member States in Developing and Strengthening Environment Statistics and Integrated Environmental-Economic Accounting for Improved Monitoring of Sustainable Development*. Projek ini dibiayai sepenuhnya oleh UNSD dan tempoh projek ini adalah 2015-2017.

Penerbitan *Experimental Energy Account* (Edaran Terhad)

SEEA merupakan satu sistem komprehensif yang menggabungkan statistik ekonomi dan alam sekitar. Pembangunan SEEA adalah untuk mengintegrasikan maklumat ekonomi dan alam sekitar bagi membolehkan analisis hubung kait di antara sumber asli, prestasi ekonomi dan pencemaran alam sekitar. Indikator dan statistik dalam kerangka SEEA ini akan membantu penggubal dasar bagi membuat perancangan strategik dan menganalisis keberkesanan polisi ekonomi dan alam sekitar negara.

Penggunaan sumber tenaga masa kini secara tidak langsung memberi impak kepada tekanan alam sekitar seperti pelepasan gas rumah hijau dan bahan pencemar lain. Sehubungan itu, terdapat keperluan statistik tenaga dari perspektif ekonomi dan alam sekitar yang disatukan untuk memantau dan bertindak balas kepada perubahan dalam bekalan dan permintaan tenaga di Malaysia (kewangan dan fizikal). Laporan *Experimental Energy Account* adalah edaran secara terhad dan dijangka dikeluarkan pada Jun 2015.

Kajian Sumbangan Industri Sarang Burung Walit

Bidang Baru Ekonomi Negara (NKEA) Pertanian memberi tumpuan kepada produk pertanian yang mempunyai potensi pertumbuhan tinggi, antaranya ialah industri sarang burung walit. Industri ini merupakan di antara 16 Projek Permulaan (EPP) Pertanian yang telah dikenal pasti untuk memangkinkan penubuhan perniagaan yang dipacu oleh permintaan pasaran, berskala industri dan mempunyai ciri-ciri pertanian bersepadu. Dasar Agromakanan Negara (DAN) 2011-2020 turut memberi penekanan terhadap Industri sarang burung walit dan ianya disenaraikan sebagai pertanian berimpak tinggi dan akan diusahakan secara intensif bagi meningkatkan sumbangan pertanian kepada KDNK dan pendapatan petani. Pengeluaran sarang burung walit dijangka meningkat daripada 290 tan metrik bernilai RM1.2 bilion kepada 870 tan metrik bernilai RM3.5 bilion. Jumlah eksport sarang burung walit yang meliputi produk terproses pula dijangka meningkat daripada RM1.7 bilion pada tahun 2010 kepada RM5.2 bilion pada tahun 2020. Justeru itu, keberkesanan kajian ini diadakan adalah untuk mendapatkan maklumat awal seperti berikut:

- i. maklumat perbelanjaan, pengeluaran dan hasil jualan sarang burung walit dalam mengukur sumbangan kepada ekonomi;
- ii. maklumat ekonomi industri sarang burung walit seperti penggunaan input dan output, guna tenaga serta nilai import dan eksport dalam industri sarang burung walit; dan
- iii. melihat halatuju industri sarang burung walit bagi tempoh 5 tahun (2015-2020)

Sistem Penyiasatan Penggunaan dan Capaian ICT

Latar Belakang

Berdasarkan kepada saranan daripada Jawatankuasa Pemandu ICT Satellite Account (ICTSA) yang dipengerusikan oleh Kementerian Kewangan Malaysia pada 18 Disember 2012, penyiasatan khusus berkenaan Penggunaan dan Capaian ICT oleh Individu dan Isi Rumah perlu dilaksanakan. Sehubungan itu, Penyiasatan Penggunaan dan Capaian ICT oleh Individu dan Isi Rumah (ICT HS) telah dijalankan pertama kali pada tahun 2013. Melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu ICTSA yang telah diadakan pada 18 Jun 2014, persetujuan telah dicapai untuk menjalankan penyiasatan ini dua tahun sekali. Sehubungan itu, penyiasatan seterusnya akan dijalankan pada tahun 2015.

Objektif Penyiasatan

Objektif penyiasatan adalah untuk mengumpul maklumat yang menyeluruh dan terkini berkenaan dengan penggunaan dan capaian ICT oleh individu dan isi rumah. Selain itu, penyiasatan ini juga dilaksanakan bagi tujuan menyediakan input dalam penyusunan ICT Satellite Account (ICTSA). Seterusnya, penjuruk ICT yang dihasilkan dari penyiasatan ini akan digunakan untuk membantu Kerajaan dalam pembangunan ICT Negara dan penjanaan ekonomi digital.

Jawatankuasa Teknikal telah dibentuk yang melibatkan Bahagian dan agensi luar seperti berikut:

Bahagian

- i. Bahagian Perangkaan Harga, Pendapatan dan Perbelanjaan;
- ii. Bahagian Perangkaan Akaun Negara;
- iii. Bahagian Perangkaan Perkhidmatan;
- iv. Bahagian Pengurusan Maklumat;
- v. Bahagian Metodologi dan Penyelidikan; dan
- vi. Bahagian Perangkaan Tenaga Manusia dan Sosial.

Agensi luar

- i. Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM);
- ii. Unit Perancang Ekonomi (EPU);
- iii. Kementerian Kewangan Malaysia (MOF); dan
- iv. Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDeC).

Penyiasatan akan dijalankan bermula pada 15 Mei hingga 31 Julai 2015 melibatkan sebanyak 3,859 BP di seluruh Malaysia (3,932 BP pada tahun 2013). Reka bentuk pensampelan ialah di peringkat Negeri, Bandar dan Luar



Bandar. Penyiasatan ICT HS 2015 adalah berpandukan kepada *Manual for Measuring ICT Access and Use by Households and Individuals, 2014 Edition*.

Matriks Guna Tenaga

Matriks Guna Tenaga (MGT) merupakan satu produk yang memberikan maklumat berkaitan guna tenaga di Malaysia mengikut aktiviti ekonomi. Statistik ini boleh dijadikan input kepada penggubal dasar, penyelidik, ahli akademik dan pengguna lain untuk merancang, menganalisis serta memantau situasi dan pembangunan guna tenaga dalam negara.

Penerbitan ini memberikan maklumat bagi tahun rujukan 2005 dan 2010 mengikut jenis aktiviti ekonomi, taraf pekerjaan, pencapaian pendidikan dan pekerjaan. Data guna tenaga dikelaskan kepada aktiviti utama ekonomi.

Penerbitan MGT diterbitkan setiap lima tahun. Bagi penerbitan tahun 2000 dan 2005, ia diterbitkan secara edaran dalaman. Penerbitan bagi tahun rujukan 2010 pula dijangka diterbitkan kepada umum pada tahun 2015.

Sistem StatsDW Fasa I

Latar belakang projek

StatsDW Fasa I adalah satu projek pembangunan Enterprise Data Warehouse (EDW) bagi Jabatan Perangkaan Malaysia.

Objektif projek

- i. Mengekstrak, mengubah, dan memuatkan data ke dalam satu EDW berpusat;
- ii. Memastikan semua data disimpan dengan selamat dan seterusnya boleh dianalisis; dan
- iii. Menyebarluaskan maklumat statistik dengan cara yang lebih efisien dan terkini.


Tujuan projek

- i. Menyelesaikan masalah data yang tidak disimpan dengan baik dan akhirnya rosak atau hilang; dan
- ii. Menangani ketiadaan infrastruktur dan teknologi yang tepat bagi EDW Jabatan.

Jangkamasa projek

Projek dijalankan selama 15 bulan iaitu daripada 1 Oktober 2014 sehingga 31 Disember 2015.

Senibina StatsDW Fasa I





MALAYSIA



JABATAN PERANGKAAN, MALAYSIA
Blok C6, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran
Kerajaan Persekutuan,
62514 Putrajaya.

Tel: 03-8885 7000
Faks: 03-8888 9248

Laman Web: www.statistics.gov.my

ISSN 2289-3083



9 789772 289301